Pada masa ini Kerajaan tidak ada rancangan untok mengadakan rundingan<sup>2</sup> mengenai pertahanan dengan negara<sup>2</sup> lain di-Asia. Kerjasama yang baik ada-lah di-dapati di-antara Malaysia dengan Indonesia untok menjalankan gerakan<sup>2</sup> di-sempadan Malaysia dengan Indonesia di-Malaysia Timor. Walau bagaimana pun Malaysia sentiasa sanggup bekerjasama dalam lapangan pertahanan dengan negara<sup>2</sup> yang bersahabat dengan Malaysia di-Asia ini, terutama sa-kali negara<sup>2</sup> jiran jika di-fikirkan perlu.

## SIARAN BERITA<sup>2</sup> LUAR NEGRI OLEH AKHBAR TEMPATAN

**17. Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat)** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negri ada-kah beliau sedar ada sa-tengah<sup>2</sup> akhbar tempatan

yang lebih banyak menyiarkan berita<sup>2</sup> luar negeri daripada berita<sup>2</sup> tempatan dan juga di-kehendaki mengambil permit negara lain pada hal akhbar<sup>2</sup> tersebut di-edarkan dalam Malaysia sahaja.

**Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, tidaklah ada sekatan bagi akhbar<sup>2</sup> tempatan menyiarkan berita<sup>2</sup> luar negeri sa-lagi berita<sup>2</sup> itu tidak mengancam keselamatan dan ketenteraman negara. Ini ada-lah hak kebebasan mereka.

Akhbar tempatan tidak berkehendakan mengambil permit negara lain untuk menyiarkan berita<sup>2</sup> luar negeri.

### **BANTUAN KERAJAAN KAPADA BALU<sup>2</sup> SERTA ANAK<sup>2</sup> TANGGONGAN ANGGOTA POLIS YANG TERKORBAN DALAM SERANGAN HENDAP**

**18. Tuan Ramli bin Omar** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apa-kah bantuan yang Kerajaan boleh berikan kepada balu<sup>2</sup> serta anak<sup>2</sup> tanggungan anggota polis yang telah terkorban dalam serang hendap Kominis baharu<sup>2</sup> ini.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada pembayaran sa-tahun gaji dan penchen bulanan mengikut kadar yang tertentu kepada balu<sup>2</sup> serta anak<sup>2</sup> tanggungan Anggota Polis yang menjadi mangsa serang hendap Kominis itu, Kerajaan telah pun mengeluarkan sa-banyak \$2,000 untuk keluarga sa-saorang yang terkorban itu dari Tabong Pertahanan Negara dan \$200 untuk perbelanjaan mengkebumikan masing<sup>2</sup> telah juga di-keluarkan dari peruntukan Kerajaan. Sa-bagai tambahan, sa-banyak \$200 lagi untuk perbelanjaan ada-lah juga di-beri kepada tiap<sup>2</sup> keluarga daripada Tabong Wang Polis.

Pertolongan<sup>2</sup> lain juga pun telah dan sedang di-usahakan oleh pihak Polis di-Raja Malaysia untuk membantu dan memulehkan keluarga<sup>2</sup> yang malang ini. Permohonan<sup>2</sup> telah di-uruskan untuk mendapatkan biasiswa<sup>2</sup> Persekutuan dan Negeri bagi anak<sup>2</sup> mereka

yang maseh bersekolah di-sekolah<sup>2</sup> menengah. Permohonan<sup>2</sup> tanah atau rumah murah di-antara keluarga<sup>2</sup> yang terkorban itu juga di-kemukakan kepada pihak<sup>2</sup> yang berkuasa supaya menerima pertimbangan saksama untuk kelulusan. Sa-bagaimana yang telah di-ishtiharkan, sa-buah Tabong Derma yang pada awal-nya di-namakan Tabong Derma Pahlawan yang sekarang ini di-tukarkan nama-nya kepada Tabong Kebajikan Perwira Negara telah juga di-tubuhkan. Saya sendiri ia-lah Pengerusi Lembaga yang menguruskan derma ini dan kutipan ada-lah di-tadbirkan di-bawah Undang<sup>2</sup> Peme-gang Amanah atau pun Trustee Ordinance tahun 1949. Tujuan Tabong ini ia-lah untuk memberi bantuan dalam bidang pelajaran kepada anak<sup>2</sup> Anggota<sup>2</sup> Pasokan Keselamatan termasuklah juga perajurit<sup>2</sup> yang telah dan akan terkorban dalam masa menjalankan tugas mereka. Dan sa-takat ini derma sa-banyak lebih kurang \$29,000 telah di-kutip menerusi satu berita akhbar tempatan ia-itu *Utusan Melayu* dan segala derma<sup>2</sup> boleh-lah di-sampaikan kepada mana<sup>2</sup> akhbar tempatan juga atau kepada Public Trustee, atau pun kepada Menteri atau Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri.

### **BILANGAN ORANG<sup>2</sup> KOMINIS YANG DI-TANGKAP DI-CHUAN SENG ESTET**

**19. Dato' Haji Mustafa bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam)** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) berapa-kah bilangan orang<sup>2</sup> Kominis yang telah di-tangkap di-Chuan Seng Estet baharu<sup>2</sup> ini;
- (b) berapa orang di-antara mereka ini bukan warganegara Malaysia dan apa-kah negeri asal mereka;
- (c) apa-kah tindakan yang telah di-ambil terhadap mereka<sup>2</sup> yang bukan warganegara;
- (d) ada-kah mereka ini mempunyai hubungan dengan peristiwa di-Keroh baharu<sup>2</sup> ini; dan
- (e) ada-kah mereka<sup>2</sup> ini terdiri daripada ahli<sup>2</sup> politik, dan jika ya, sebutkan parti mereka.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, sa-ramai 129 orang anasir<sup>2</sup> sabersib pro-Kominis telah di-tangkap di-Chuan Seng Estate pada 16hb Jun, 1968.

48 orang di-antara mereka itu telah di-dapati bukan warganegara Malaysia, termasuk-lah 18 orang warganegara Singapura. 30 orang yang lain itu adalah penduduk negeri ini tetapi bukan warganegara Malaysia, atau pun warganegara Singapura.

Warganegara Singapura yang 18 orang itu telah di-hantar balek ka-Singapura dan tindakan sedang di-ambil supaya mereka itu di-larang masuk ka-Malaysia. Siasatan untuk menentukan negeri asal 30 orang yang lain itu sedang berjalan. Dan apabila selesai penyiasatan itu, tindakan yang sesuai akan di-ambil terhadap mereka.

Tidak ada keterangan<sup>2</sup> yang menunjukkan bahawa anasir<sup>2</sup> pro-Komunis di-Ladang Chuan Seng itu mempunyai hubungan dengan peristiwa di-Keroh baharu<sup>2</sup> ini.

Sa-takat mana yang dapat di-pastikan, 11 daripada orang<sup>2</sup> yang di-tangkap itu ada-lah ahli Parti Buroh Malaya dan 2 orang ahli Parti Ra'ayat Malaya.

## UNDANG<sup>2</sup> UNTOK MELUASKAN TAFSIRAN RASUAH

**20. Tuan Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Ke'adilan :

- (a) ada-kah dia akan mengemukakan satu undang<sup>2</sup> untuk meluaskan tafsiran rasuah supaya termasuk orang<sup>2</sup> dalam perusahaan bersendirian seperti peguam<sup>2</sup>, doktor<sup>2</sup> dan akitek<sup>2</sup> yang melakukan perbuatan rasuah dan merosakkan masyarakat dan mutu perusahaan negara;
- (b) ada-kah Kerajaan sedar bahawa pengimpot, pembuat<sup>2</sup> dan pengeluar<sup>2</sup> barang<sup>2</sup> menjadi puncha rasuah dan jika sedar, apa-kah tindakan yang akan di-ambil mengenai perkara ini.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, jawab-nya tidak,

kerana di-dalam perkara rasuah—Undang<sup>2</sup> Menchehag Rasuah No. 42 tahun 1961 ada-lah mengenai semua golongan termasuk peguam<sup>2</sup>, doktor<sup>2</sup> dan akitek<sup>2</sup> yang menjalankan perusahaan sa-chara bersendirian. Tambahan lagi ada pula beberapa undang<sup>2</sup> yang tersedia mengawal kelakuan dan tatatertib orang<sup>2</sup> professional yang difikirkan menchukupi untuk menchehag mereka ini daripada berlaku churang. Kerajaan sedar akan masalah ini dan langkah yang bersesuaian telah pun di-ambil untuk mengatasi-nya. Mithalnya pertukaran beberapa orang Pegawai<sup>2</sup> Kastam yang kanan untuk berkhidmat dalam Badan Penchehag Rasuah baharu<sup>2</sup> ini menunjukkan salah satu daripada langkah<sup>2</sup> tindakan yang di-jalankan.

## EXPENDITURE OF \$10 MILLION FROM THE BRITISH GOVERNMENT GRANT OF £25 MILLION ON M.C.A. COLLEGE

**21. Dr Tan Chee Khoo** (*dengan izin*): asks the Minister of Finance to state :

- (a) if it was proper for \$10 million of the £25 million promised by British to be spent on the M.C.A. College;
- (b) what assurance there is that this college will not be an instrument of the M.C.A. and
- (c) why it should have priority over the University of Penang.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, when the British team was in Malaysia in the first week of July this year for talks with Malaysian officials on the arrangements of the utilisation of the British offer of economic aid, as a result of the withdrawal of British forces from Malaysia, the type of projects which would qualify for such aid was also considered. Among the various types of projects considered were Malaysia's higher educational needs in relation to institutions that already exist and those that are being planned. If the Tunku Abdul Rahman College wishes to be considered for such assistance, then its case will be considered by the Ministry of Education in the first instance.

The question of this college being used as an instrument of the M.C.A. does not arise, as there is no political bias involved in the setting up of this institution. Both the University of Penang and this college are equally deserving of consideration.

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Speaker, Sir, is the Honourable Acting Minister of Finance aware that while he stated that both the M.C.A. sponsored college and the University of Penang are deserving of consideration, why has the Minister for Finance, who is also the President of the M.C.A., been so quick in stating that the M.C.A. sponsored project would get \$10 million whereas a non-partisan body like the University of Penang has not had any assurance of this nature either from the £25 million from the British, or from the grant or loans from the Japanese Government?

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** As I am not the Honourable Minister of Finance himself, I probably cannot answer him directly, but my conjecture is probably because the M.C.A. College asked for the money, whereas the Penang University has not asked for the money.

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Speaker, Sir, is the Honourable Acting Minister of Finance aware that there are umpteen Penang representatives here and has not heard of the clamour from the people of Penang for money to set up their university there not this year but last year?

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** It should be officially sent to him.

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Speaker, Sir, is the Honourable Acting Minister of Finance quite sure that there has been no official request from the people of Penang for funds to set up their university as soon as possible?

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Sir, there may have been requests for assistance as soon as possible but probably not in relation to this British aid.

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Speaker, Sir, can the Honourable Acting Minis-

ter of Finance assure this House that this proposed M.C.A. College will be run on independent lines like any other educational institutions in this country, like the Technical College, the College of Agriculture, the University of Malaya, or will it be amongst the people who control the proposed M.C.A. College the people there will be loaded with representatives from the M.C.A.? I would like to have an assurance in this House that the M.C.A. as such will not have any representatives on the Council of the proposed college (*Laughter*).

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Mr Speaker, Sir, as the Honourable Member is himself a representative on the University Council, does that mean that he represents the Labour Party, or the Gerakan in the University there? Surely not. He is there in his own personal capacity. I think he accepts that. So, if an M.C.A. member does serve on this Board, surely he is not serving in the capacity of M.C.A. but in his own personal capacity. I can assure this House that the Board of Managers of this college will be an independent Board and has nothing to do with the M.C.A. politically.

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Speaker, Sir, for the benefit of the Honourable Acting Minister of Finance, I sit on the University Council as an elected representative of the Guild of Graduates not as a member of my former party or of Gerakan. What I seek an assurance from the Honourable Minister is that—that the M.C.A. as such will not have any representatives on the Board that controls this proposed college.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** M.C.A. as a political party will not be represented on the Board, but members of M.C.A. may be elected in their own personal capacity.

**Tuan Geh Chong Keat (Penang Utara)** (*dengan izin*): Would the Acting Minister of Finance consider any application from the State of Penang for assistance for its proposed university from the same allocation of the £25 million.

**Tan Sri Dr Lim Swee Ann:** All applications for assistance for higher education under this grant must come through the Minister of Education, and when it comes to the Treasury, I am sure it will be considered.

**Tuan Yang di-Pertua:** Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

(Masa untuk pertanyaan<sup>2</sup> bagi jawab mulut telah chukup, dan jawapan<sup>2</sup> lisan bagi pertanyaan<sup>2</sup> No. 22 hingga No. 28 ada-lah di-beri di-bawah ini.)

### CANCELLATIONS OF FLIGHTS BY MALAYSIA/SINGAPORE AIRLINES

**22. Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bintang)** (*dengan izin*) asks the Minister of Transport whether the Minister is aware of criticism of last minute cancellations of flights by Malaysia/Singapore Airlines involving much inconvenience to passengers, as for example cases reported by Bernama on 26/6/1968 involving members of two official Malaysian delegation travelling: (a) to India; and (b) to Italy; and what steps are being taken to prevent a repetition of such incidents.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir)** (*dengan izin*): I am aware of the criticism against MSA's cancellation of flights at short notice, causing unfortunate inconvenience to passengers generally. Like most of these cancellations, the cancellation reported by Bernama on 26/6/1968 was caused by engineering faults and the aircraft was unserviceable consequently and as there was no other aircraft available to substitute for the unserviceable aircraft, the Company had no choice but to cancel the particular flight. MSA maintains its aircraft at the highest possible level of efficiency but when an engine or any of its parts become unserviceable there is nothing that anyone can do except to ground the aircraft. In the case of the official Malaysian delegation to India and to Italy, I was glad to learn that the Area Manager of MSA had arranged alternative arrangements at short notice for these two delegates which made it possible for them to catch their connecting flights.

### ORIENTATION OF EDUCATIONAL POLICY TOWARDS SCIENTIFIC TRAINING

**23. Dr Lim Chong Eu (Tanjong)** (*dengan izin*) asks the Minister of Education to state:

- (a) apart from the basic principle of orientating our educational policy towards scientific training, whether or not the Ministry has correlated its new policy with the problem of employment opportunities for the pupils in future;
- (b) how the Ministry proposes to integrate the fundamental principles of scientific education with subject-matter which are basically Malaysian;
- (c) whether the Ministry has plans to assist in scientific research on local conditions, and will there be a concurrent assistance for local scientific publications for general reading and for the purpose of issue of textbooks;
- (d) how the Ministry plans to phase its scientific orientation programme and what is the approximate target date for the implementation of the new policy.

**Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed Khir Johari)** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir:

- (a) A developing country like Malaysia, trained manpower, especially in the field of science and technology is urgently required. As such, my Ministry is placing increasingly heavy emphasis on science education and making it a priority in educating all pupils in science so that they will have a science background. A Committee on technical and vocational education is being set up which, besides other duties, will also look into the employment opportunities.
- (b) There is no difficulty in this. Fundamental principles of science education are universal. The basic principles in all new approaches in science education

are similar. My Ministry ensures that any new science syllabus or scheme evolved in this country will have a Malaysian outlook.

- (c) I am fully aware of the importance of research in education in relation to local conditions. The Education Planning and Research Division, the SEAMEC Science and Mathematics Centre, the Malayan Teachers' Training College and the University of Malaya have been involved in relevant research in their respective fields.
- (d) My Ministry has launched its science curriculum renewal programme. Teachers are being trained in in-service courses and important trial projects will be carried out during the next five years to evolve workable science programme in our schools. This will involve a large number of our teachers and pupils.

#### ASSISTANCE FOR M.C.A. COLLEGE

**24. Dr Lim Chong Eu** (*dengan izin*): asks the Minister of Education:

- (a) in view of the fact that the Government proposes to assist the so-called MCA College, whether he will inform this House as to what the proposed college proposes to teach, the principal language medium of the college, and the correlation of the proposed college with the overall educational system in the country;
- (b) in view of the fact that the Minister of Finance has already stated that his Ministry will not permit any new expenditure, which had not been already approved for the First 5-year Malaysian Plan, whether he would tell this House how he proposes to assist in the financing of the proposed college.

**Tuan Mohamed Khir Johari** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir:

- (a) I must emphasize that the approval of the Government is only in principle and I can

assure the Honourable Member that the subjects, language medium and other teaching factors connected with the proposed College will have to be inter-related with the overall educational policy and system in the country.

- (b) The financing of the College will be on a dollar-to-dollar basis and as to how the money is going to come this is a matter for the Treasury who will allocate funds in the usual way to the Ministry.

#### BUILDING OF GIRLS' SECONDARY SCHOOL IN POLO GROUND, PENANG

**25. Dr Lim Chong Eu** (*dengan izin*): asks the Minister of Education to state:

- (a) whether he is aware that the proposal to build a girls secondary school in the Polo Ground in Penang has caused widespread controversy in Penang; if so, whether he will consider putting up the school on an alternative site;
- (b) what were the conditions whereby the State Government alienated the land on the Polo Ground in Penang to the Ministry for the purposes of erecting the proposed school;
- (c) whether the Central Government will reimburse the Penang State Government for the cost of the land so alienated, and if so the terms and the total sum involved; or whether the Central Government through the Ministry of Education will have to pay an annual ground-rent for the land;
- (d) whether the land for this proposed school was given to the Ministry as a grant.

**Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed Khir Johari)** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir:

- (a) I am aware that there has been some controversy regarding the siting of a secondary school in the Polo Ground. The appeal is

being considered. In any case the interest of the children will have to come first.

- (b) Except for the normal fee payments, no express conditions or restrictions have been imposed on the alienated land.
- (c) The Central Government has paid a sum of \$153,325.00 to the State Government for the land. Annual land rent of \$77 will continue to be paid.
- (d) As I have stated, the Central Government has paid for the land, and the land title will be vested in the name of the Federal Lands Commissioner.

### PEMBENAAN SEKOLAH MENENGAH DI-BENGGOR, SABAH

**26. Tuan Mohd. Arif Salleh (Sabah)** bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) ada-kah apa<sup>2</sup> peruntukan yang di-buat dalam Anggaran Belanjaan bagi membena bilek<sup>2</sup> darjah dan rumah guru<sup>2</sup> di-Sekolah Menengah Rendah Keningau, Benger; dan
- (b) jika ada berapa jumlah-nya; dan
- (c) bila-kah bilek<sup>2</sup> darjah dan rumah guru<sup>2</sup> itu akan di-bena.

**Tuan Mohamed Khir Johari:**

- (b) Tidak ada peruntukan kewangan bagi pembinaan sa-buah Sekolah Menengah yang baharu di-Benger di-dalam Ranchangan Lima Tahun Malaysia Yang Pertama oleh kerana sekolah ini telah di-tubuhkan hanya dalam tahun 1967 dengan mengandongi 60 murid. Ada-lah di-chadang untuk mengadakan peruntukan kewangan dalam Ranchangan Lima Tahun Pembangunan Malaysia Yang Kedua bagi pembinaan sa-buah bangunan baharu untuk Sekolah Menengah Rendah, Benger, tetapi ranchangan ini akan di-laksanakan hanya apabila peruntukan kewangan di-luluskan.
- (b) Bahagian soalan ini tidak ber-bangkit.

(c) Bahagian soalan ini tidak ber-bangkit.

### GRANTS TO SECONDARY SCHOOLS IN SARAWAK

**27. Tuan Edmund Langgu anak Saga (Sarawak)** asks the Minister of Education to state whether his Ministry will increase the grants to secondary schools in Sarawak in view of the increase of students by 23% in 1968.

**Tuan Mohamed Khir Johari:** An increase of \$1,218,600 over the 1967 provision has been provided for in this year's estimate under Supply Head 19, Sub-head 10—Grants to Schools—to meet the increase in enrolment of the students in question.

### BILANGAN SHARIKAT<sup>2</sup> KERJASAMA DI-MALAYSIA BARAT YANG MENYIMPAN WANG DALAM BANK<sup>2</sup> ASING DI-MALAYSIA

**28. Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat)** bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama berapa bilangan sharikat<sup>2</sup> kerjasama di-Malaysia Barat yang menyimpan wang dalam bank<sup>2</sup> asing di-Malaysia ia-itu bukan bank<sup>2</sup> tempatan:

- (a) sharikat<sup>2</sup> kerjasama dalam bandar; dan
- (b) sharikat<sup>2</sup> kerjasama luar bandar; dan

terangkan apa-kah langkah<sup>2</sup> yang di-jalankan untuk menggalakkan sharikat<sup>2</sup> kerjasama ini supaya menyimpan wang dalam bank<sup>2</sup> tempatan dan apa-kah tindakan yang akan di-jalankan kiranya mereka enggan untuk berbuat demikian.

**Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):** Bahagian Kemajuan Kerjasama Kementerian saya tidak menyimpan rekod sharikat<sup>2</sup> yang menyimpan wang-nya dalam bank<sup>2</sup> asing di-Malaysia ia-itu bukan bank<sup>2</sup> tempatan. Sekira-nya ma'alumat<sup>2</sup> ini di-kehendaki terpaksa Bahagian Kemajuan Kerjasama meminta ma'alumat<sup>2</sup> ini daripada semua sharikat<sup>2</sup> di-Malaysia Barat. Dan oleh kerana bilangan

sharikat<sup>2</sup> yang ada di-luar bandar dan di-dalam bandar ia-lah lebeh kurang 3,000 sharikat, ini akan mengambil masa yang panjang.

Saya suka mema'alumkan ia-itu sharikat<sup>2</sup> ada-lah selalu di-nasehatkan supaya menyimpan wang dalam bank<sup>2</sup> tempatan. Walaupun begitu, sekira-nya ada sharikat<sup>2</sup> yang enggan menyimpan wang dalam bank<sup>2</sup> tempatan tidak ada apa<sup>2</sup> tindakan yang boleh di-ambil ka-atas sharikat<sup>2</sup> itu oleh kerana sharikat<sup>2</sup> kerjasama tidak di-wajibkan di-bawah Undang<sup>2</sup> Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama menyimpan wang di-bank<sup>2</sup> tempatan.

*Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.05 pagi.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.40 pagi.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mem-pengerusikan Meshuarat)

## RANG UNDANG<sup>2</sup>

### THE EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) BILL

#### Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Atoran Urusan meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula perbahathan yang di-tanggohkan atas masaalah, Bahawa The Employees Provident Fund (Amendment) Bill di-bachakan kali yang kedua (19hb Ogos, 1968).

*Perbahathan di-sambong sa-mula.*

**Dr Tan Chee Khoon (Batu)** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, with your permission, may I recapitulate a little of what I said yesterday. Yesterday I stated that our public debt in this country amounts to \$3,600 million and that from the published statements of the EPF Board at the end of 1965, the EPF had invested about \$1,214 million in quoted investments, meaning that most of it had gone into the domestic loans floated by the Government. Therefore, of the public debt of \$3,600 million, one-third comes from the savings of the workers of this country. As such, the Minister of Finance, in particular, should be very grateful to the workers of this country for having contributed so much to the development of this country and not rail

against the workers whenever they ask for a justifiable increase in wages.

Yesterday also, Mr Speaker, Sir, I pointed out the unsatisfactory nature of the existing legislation with regard to the withdrawal of EPF funds on medical grounds. I pointed out that this question of gainful employment virtually means that a person can be blind in both eyes, can be without both arms, can be without both legs and yet under the existing legislation be denied withdrawal of his EPF funds. Apart from that, Mr Speaker, Sir, I wish to point out that, apart from physical disabilities which can happen to anyone of us, there is the question of certification on other medical grounds and I pointed out yesterday that virtually a person will have to be at death's door before he can be certified as being fit to receive his EPF contributions.

If that happens, of course, that is of no use to the contributor because he may well receive permission to withdraw his EPF funds but then he may not live to see the day when he can use the money from the EPF. Consequently, I urge on the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance to look into this question of medical certification. Time and again it has happened when a consultant either, in the Government service or outside in private practice has certified a person as being unfit for work. But, unfortunately, under the existing legislation these certificates, although signed by recognised consultants, both in the Government service and in the private sector, have been rejected by the Medical Boards on account of the interpretation of the existing legislation.

Mr Speaker, Sir, I pointed out also that the Malayan Medical Association has written to the Manager of the EPF Board regarding this question of medical certification, and with your permission, Sir, I wish to read that letter. It reads:

"The Manager,  
Employees Provident Fund,  
Petaling Jaya.

Dear Sir,

The Malayan Medical Association understands that the Government intends to make certain amendments to the EPF

Ordinance in the near future. If this is the case, the Malayan Medical Association wishes to propose amendments to the Ordinance on these two points:

(1) The Malayan Medical Association wishes the EPF Ordinance to recognise that every contributor to the EPF has a right to be examined and certified by his family doctor or any registered practitioner of the contributor's choice. While allowing this the Ordinance should provide that, where necessary, the Manager of the EPF has powers to appoint Medical Board referees to review medical certificates submitted by contributors to make claims on the Fund or withdraw their contributions before the retirement age of 55. The Medical Board of referees shall consist of the following in each State or region: One practitioner appointed by the Manager of the EPF from the Medical practitioners in the State; one medical practitioner from a panel of doctors in the State submitted to the Manager of EPF by the Malayan Medical Association; one consultant medical practitioner who has experience in the illness or disability specified in the medical certificate for review who shall be appointed by the Manager from a panel of consultants in Government service and private practice.

(2) The Malayan Medical Association wishes to recommend that the medical certificate for withdrawal from the Fund on the grounds of illness before the age of 55 be amended as in the enclosed proforma. The present medical certificate is too harsh and does not allow the withdrawal of contributions unless in the opinion of the doctor the patient is incapable of work of any kind for the rest of his life. Doctors find great difficulty in certifying on these strict criteria. There are instances where the contributor who is ill is unlikely to be employed again because of his age and nature of work and not only to his illness cannot be certified as eligible to withdraw. The question of whether certain illness which is likely to shorten life and prevent a man from living up to the retirement age of 55 but not preventing from working should not be made grounds for his withdrawing from the Fund is debatable.

Other instances where a person's illness like chronic pulmonary emphysema and bronchial asthma or chronic heart disease which prevent the man from regular employment for most of the year also cause difficulties in certification. While recognising that the intention of the EPF is an old age benefit or pension or saving for retirement should not in any way be interfered with except in special circumstances the certifying medical practitioner and the Board of Medical Referees should be given sufficient latitude to consider the social circumstances of the contributor together with his disability or illness in cases where the need for withdrawal from

the Funds is great before the age of 55. As time goes on the Board of Medical Referees will set a series of criteria as precedence for the guidance of medical practitioners certifying contributors who wish to withdraw on grounds of illness.

The Malayan Medical Association hopes that you will put forward these recommendations to the Government or to your Board for approval.

(Sgd.) DR S. PARAMPALAM,  
Hon. General Secretary,  
Malayan Medical Association"

Mr Speaker, Sir, it is the consensus of opinion of the Medical profession that the existing Ordinance where medical certification for withdrawal of funds before the age of 55 is too restricted and does not allow the medical practitioner to certify cases for withdrawal when in his opinion the contributor is not able to do the kind of work he has been used to doing. Apart from this unsatisfactory nature of the medical certification, Mr Speaker, Sir, is the constitution of the Medical Board of Referees. Under the existing legislation it states that whenever there is doubt the Manager of the EPF refers the case to an *ad hoc* committee. Now, this is very unsatisfactory because then you will have to set up an *ad hoc* committee for every case that comes along. The Malayan Medical Association has proposed a Board to be organised on the basis of a State or a region, which is more satisfactory. The other thing the Medical Board of Referees as constituted now is the relic of the colonial days. In days before Merdeka, the British Raj saw to it that most of these boards have been constituted from people amongst the *orang putehs* practising in this country. There is no reason why this practice should be continued when there are adequate medical practitioners in this country who can serve usefully and eminently in these Medical Board of Referees. I would urge these considerations to the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance, so that he will forward these views of the Malayan Medical Association to the Manager of the EPF to see that appropriate amendments to the existing legislation are brought to this House at a later date.

The other thing that I wish to speak on, Mr Speaker, Sir, is this question of evasion. Now, it is an irony that while the E.P.F. has been set up for the benefit of the workers of this country, unfortunately many a time I have come across cases where the workers have been made victims of the rapacity of the employers in this country, and far from benefiting from the E.P.F., in many instances they have suffered, in that that which they have contributed has not been given to them. It happens like this, Mr Speaker, Sir. The employer tells the worker, "Look here, you know there is an E.P.F. now, you contribute 5% and I contribute 5%." The employer then proceeds to collect the 5% from the employee and instead of paying it into the E.P.F. he keeps it in his pocket and thereby one can see how the poor humble worker has been diddled—literally he has been diddled.

Apart from this, very often because of the laxity on the part of the Ministry of Labour, which was before in charge of the investigations about evasions, now it has been transferred to the E.P.F. itself, the employer in many instances has taken 5% from the employee, given 5% of his own and sent the money to the E.P.F. But sometimes for almost a year and, in some instances I have come across, two years in succession, he has not given either his contribution or the employee's contribution. He has collected every month from the employee, but he has not given either the employee's contribution or his own contribution to the E.P.F. Now, this has been revealed from the statements that have come from the E.P.F. The employee is told, "Look here, in 1963 your contribution for that year is so much, your balance at the end of the year is so much. In 1964 and 1965 there is a blank, where your contributions and employer's contributions are concerned, it is a blank. In 1966 and 1967 these are your contributions, and these are the balances standing to your credit." When one considers that the employee has been in continuous employment throughout, one can see there has been fraudulent practice on the part of the employer,

but unfortunately when the employee has gone to the E.P.F. to make his complaint, the E.P.F., instead of saying that they will make rigorous investigations to find out whether there has been malpractice, the E.P.F., in one instance that I know of, has told a group of workers in a bus company, "You must go and find out from the employer what has happened". Surely, it is the job of the E.P.F. to make investigations to call up the employer and say, "Look here, this has been stated by the employee. He has been in your employ continuously all these years. Why is it that for 1964 and 1965 there has been no contributions either from you or from the employee?"

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Could the Honourable Member give a specific instance about the last allegation?

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Speaker, Sir, I shall gladly give it to the Honourable the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance. It is not my intention to blacken the name of any employer, I will willingly give it to him, and he can easily check it up. I am glad to say that in this instance presumably the E.P.F., because they know that most of these things would be washed in public at this sitting of the House, has taken action now and told the employees that they will look into this matter, whereas before they had told the employees, "Look here, you go and see your employer and find out what has happened".

Mr Speaker, Sir, the other thing is with regard to the Bill itself, it talks about increases on either side over and above the 5% that is stipulated in the law. I do hope that the Government will recognise the fact that 5% on the part of the employer does not go a long way towards providing a retirement benefit for the workers of this country. I believe about a month ago, the Manager of the E.P.F. had stated that most of the credit standing in favour of the contributors when they retire at the age of 55 or 50, is in the region of less than \$2,000. Now, \$2,000 in these days of inflated values of consumer goods will not go a long way towards providing for the retirement benefit at

the age of 55, and I do hope that at a later stage the Government will find its way into introducing legislation to increase the contributions of the employers. Instead of 5%, the Government, for example, can ask them to increase their contributions to 7½%, seeing that quite a number of statutory bodies in this country have their contributions to the Provident Fund either in the region of 10% or even of 15%. Consequently, I do feel that the employers can well bear the weight of another 2½% as part of their contributions for the employees to the E.P.F.

Finally, Mr Speaker, Sir, I wish to touch on the selection of representatives from employees to sit on the E.P.F. Board. In the past there has been some *suhas* over this question of employees' representatives sitting on the Board of the E.P.F. The employees organisation in this case, namely the M.T.U.C., has sent in a list of candidates whom they wish to be considered for selection to sit on the E.P.F. Board, but unfortunately the Minister in his wisdom has chosen very often to ignore the candidates put forward by the M.T.U.C. and has chosen people who perhaps do not enjoy the confidence of the Trade Union Congress. I do hope that in the years to come, when the Minister of Finance makes replacements to the E.P.F. Board or appoints people to the E.P.F. Board, at least where the employees' representatives are concerned, he will take into consideration the representations made by the M.T.U.C. and not go outside of the representations of the M.T.U.C. to select people to sit on the E.P.F. Board as representing the employees' side. Thank you.

**Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi pandangan di-atas pindaan yang telah di-kemukakan di-Dewan ini berkenaan dengan Kumpulan Simpanan Wang Pekerja<sup>2</sup>. Satu daripada-nya ia-lah syarat<sup>2</sup> bagi mengeluarkan wang yang terkumpul itu sangat-lah ketat ia-itu hanya apabila penyimpan itu sampai kepada umur 55 tahun baharu-lah dapat mereka itu menikmati wang<sup>2</sup> yang telah terkumpul beberapa tahun yang

terlebeh dahulu daripada itu, walhal sa-bagaimana yang di-ketahui ia-itu di-dalam pejabat<sup>2</sup> Kerajaan kita boleh meminta bersara apabila umur meningkat 50 tahun.

Dan perkara yang kedua, kalau sudah boleh perkara umur ini di-pinda untuk mengeluarkan wang itu, maka hendak-lah di-kurangkan, di-samakan, dengan optional age of retirement seperti mana yang ada di-dalam pejabat<sup>2</sup> Kerajaan sendiri ia-itu daripada umur 55 kepada 50 tahun. Berkaitan dengan ini juga saya suka-lah hendak menyatakan ia-itu banyak pekerja<sup>2</sup> dalam perusahaan, mithal-nya lombong-kah, atau sharikat<sup>2</sup>, memberhentikan pekerja-nya, mereka itu payah hendak menchari kerja yang lain walhal umur sudah berlebehan dan banyak-lah tahun-nya mereka itu tergantung dengan tidak ada mendapat nafkah yang lain dan usaha-nya menantikan sampai umur 55 tahun itu juga baharu-lah dapat di-keluarkan wang itu. Jadi, saya minta-lah kalau sa-kira-nya dapat di-longgarkan sedikit. Kalau-lah sa-kira-nya sa-orang pekerja itu tidak dapat bekerja di-dalam beberapa tahun walau pun umur-nya lebeh kurang daripada umur 50 tahun itu hendak-lah permintaan mereka itu di-timbangan. Dan masa sekarang ini langsung tidak boleh, dan bagi pehak doktor<sup>2</sup> yang memberikan certificate pun tidak berani mereka itu memberikan certificate kerana tidak ada kerja walhal kerja tidak ada. Anak isteri hendak di-tanggung makan, nafkah pun tidak ada, hendak ditunggu wang daripada Kumpulan Simpanan Pekerja<sup>2</sup> ini beberapa tahun lagi baharu dapat. Jadi, saya minta kalau dapat di-dalam pindaan ini di-kemukakan ia-itu kalau-lah sa-kira-nya orang<sup>2</sup> itu apabila berhenti bekerja tidak dapat kerja, atau menchari kerja atau pun tidak boleh bekerja bukan-nya fasal sakit, tetapi tidak ada kerja, minta-lah pada masa itu di-timbangan permintaan-nya supaya menjadi pertolongan kepada dia, wang yang telah di-kumpulkan dalam Kumpulan Wang itu.

Sa-lain daripada itu juga saya rasa ia-itu di-dalam Jabatan Kumpulan Simpanan Pekerja ini tiap<sup>2</sup> permintaan

mengeluarkan wang itu ada-lah di-semak dan di-kaji sa-mula walau sa-kali pun certificate atau pun sijil daripada doktor private telah dihantar. Ini telah menjadi satu perkara yang besar di-kalangan doktor sendiri kerana doktor<sup>2</sup> yang telah ditugaskan oleh Jabatan Kumpulan Wang Pekerja ini ia-lah kawan mereka itu juga dan kalau sa-kira-nya sa-orang doktor membatalkan sa-orang lagi punya sijil atau pun akuan berma'ana mereka itu tidak ada-lah bersatu padu walhal-nya kita berkehendakkan di-dalam kumpulan doktor<sup>2</sup> sendiri ada pengertian yang sama. Jadi, di-situ-lah perkara yang mushkil yang telah berlaku beberapa tahun yang lalu yang di-harapkan dapat di-perbaiki sementara kita mengadakan pindaan yang di-kemukakan di-Dewan ini pada kali ini. Terima kaseh.

**Tuan Mohd. Zahir bin Haji Ismail (Sungai Patani):** Tuan Yang di-Pertua, Employees Provident Fund yang sekarang di-jalankan di-negara kita telah pun menjadi satu institution yang boleh di-megah<sup>2</sup>kan. Ia telah pun menjadi satu security kepada orang<sup>2</sup> makan gaji dan telah memberi jaminan kepada mereka bahawa bila mereka tua kelak atau tiada boleh bekerja lagi kerana sakit, maka mereka akan mendapat wang dari Fund ini untuk menolong mereka. Pindaan<sup>2</sup> yang di-minta seperti yang terkandung di-dalam Bill ini ada-lah mustahak untuk melichinkan lagi perjalanan Undang<sup>2</sup> ini. Samasa itu juga kita berharap Kerajaan menchari segala ikhtiar dari satu masa ka-satu masa untuk mengelokkan lagi perjalanan Fund ini, dan dengan demikian menambahkan faedah<sup>2</sup>-nya kepada pekerja<sup>2</sup>.

Saya suka hendak mengeshorkan kepada Kerajaan, jika mungkin, hendak-lah Kerajaan mengkaji di-atas kemungkinan wang bayaran Provident Fund ini di-jadikan sa-bagai bayaran insurance nyawa dan insurance accident kepada ahli<sup>2</sup> itu bersama<sup>2</sup>. Umpama-nya, sa-orang pekerja itu membayarkan bahagian-nya \$20.00 dan majikan-nya membayar bahagian-nya pula \$20.00. Saya memohon Kerajaan menimbangkan sama ada mungkin atau tidak wang \$40.00 ini di-jadikan sa-

bagai wang pembayaran insurance nyawa dan insurance accident ahli itu bersama<sup>2</sup>. Jika takdir-nya ahli itu meninggal dunia sa-belum ia menerima balek wang-nya itu, maka warith<sup>2</sup> ahli itu boleh menerima kesemua wang simpanan ahli itu dan sa-jumlah wang ansoran nyawa ahli itu berasaskan kapada lama dan banyak wang pembayaran-nya ia-itu seperti yang lazim di-bayar oleh mana<sup>2</sup> kompani insurance nyawa. Atau jika ahli itu mendapat kemalangan maka ahli itu akan mendapat bayaran sa-takat mana yang di-bayar oleh kompani insurance private dengan berasaskan kapada terok-nya kemalangan itu dan pembayaran yang di-perbuat oleh ahli itu dan lama masa-nya.

Jika untok insurance ini pembayaran bagi pehak pekerja dan majikan kena di-tambahkan sadikit lagi, maka saya berharap Kerajaan akan bertanya kapada orang ramai dan pada fikiran saya orang ramai akan menyokong penambahan ini jika penambahan ini sa-kadar yang berpatutan. Jika kita boleh menjalankan insurance pekerja<sup>2</sup> ini, Tuan Yang di-Pertua, kita akan boleh berganjak E.P.F. kapada satu darjat lagi ia-itu ka-darjat national insurance atau insurance kebangsaan yang demikian memperkuatkan lagi social security warganegara kita.

Lagi satu perkara yang saya suka hendak kemukakan bagi pertimbangan Kerajaan ia-lah berkenaan dengan nominee atau penama yang sa-orang ahli fund di-kehendaki menamakan-nya di-dalam satu kad E.P.F. Jika ahli itu mati sa-belum ia menerima balek akan wang-nya, maka nominee-nya akan menerima wang itu dengan tidak payah di-ambil surat kuasa si-mati itu. Chara ini ada baik-nya kerana wang itu boleh di-ambil keluar oleh nominee-nya dengan segera, oleh sebab dengan tiada payah pergi ka-mahkamah mengambil surat kuasa. Ini akan menolong kapada warith<sup>2</sup> si-mati jika mereka itu ada-lah di-dalam kesusahan dan berkehendakkan kapada pertolongan wang dengan segera. Tetapi pada masa itu ada kala-nya menjadi burok akibat, mithal-nya, jika nominee itu mengambil kesemua wang itu dan di-pergunakan untok faedah diri-nya sendiri. Ia tidak

mahu membayar apa<sup>2</sup> pun yang sepatutnya kepada mana<sup>2</sup> warith si-mati yang lain<sup>2</sup> yang berkehendakkan kepada pertolongan itu.

Lazimnya perkara itu berlaku jika si-mati mempunyai isteri lebeh dari satu dan nominee-nya itu salah seorang daripada isteri-nya. Maka terjadilah isteri atau isteri<sup>2</sup>-nya yang bukan nominee itu dan anak<sup>2</sup> mereka itu akan teraniaya kerana tidak dapat menerima apa<sup>2</sup> bahagian daripada wang itu. Ada kala-nya nominee-nya itu isteri ahli itu dan isteri-nya meninggal dunia terlebih dahulu, kemudian ahli itu telah mengubahkan nominee itu kepada anak sulong, lepas itu ahli itu berkahwin lain pula dan mendapat anak<sup>2</sup> lagi. Ada kemungkinan anak sulong ahli itu tidak mahu membayar apa<sup>2</sup> pun kepada adek<sup>2</sup>-nya dengan emak tiri-nya manakala bapa-nya itu meninggal dunia. Orang<sup>2</sup> yang masuk menjadi ahli E.P.F. yang belum berkahwin lazimnya menamakan ibu atau bapa mereka menjadi nominee. Apabila ia berkahwin kelak maka ia tidak hendak tukarkan penamaan itu kepada isteri-nya atau pun suami-nya. Mereka itu takut barangkali ibu bapa mereka itu berkecil hati, dan masa itu ahli itu berkeyakinan bahawasanya ibu atau pun bapa mereka itu akan meninggal dunia terlebih dahulu. Tetapi kadang<sup>2</sup> malang tidak berbau, ahli itu mati dahulu daripada ibu bapa-nya dan ada kadang<sup>2</sup> ibu bapa-nya yang menjadi nominee<sup>2</sup> itu tidak membayar wang kepada chuchu<sup>2</sup> mereka kalau sa-kiranya mereka itu tidak berkenan kepada menantu-nya itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya sebutkan ini bukan-lah selalu berlaku, tetapi ada yang telah pun berlaku. Oleh yang demikian, itu-lah saya menhadangkan supaya Kerajaan mengkaji di-atas soal ini supaya soal nominee itu di-perbaiki muga<sup>2</sup> tidaklah orang<sup>2</sup> yang menjadi warith<sup>2</sup> kepada ahli<sup>2</sup> yang telah meninggal dunia itu teraniaya. Dan saya suka mengshorkan kalau boleh baik-lah kita serahkan pembayaran wang ahli yang mati itu kepada Pejabat Buroh yang bertanggung-jawab di-dalam perkara E.P.F. atau di-serahkan kepada Official Administrator untuk membahagikan

wang itu supaya adil dengan di-sharatkan wang itu tidak payah di-perbuat surat kuasa lebeh dahulu supaya mempercepatkan pembayaran itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak sebutkan ia-itu hendaklah Kerajaan mengkaji supaya membolehkan ahli<sup>2</sup> menarek keluar wang simpanan mereka untuk membeli rumah dan tanah atau membayar bayaran muka untuk pembelian rumah<sup>2</sup> dan tanah yang boleh di-beli dengan sa-chara beransor<sup>2</sup>. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah bertalu<sup>2</sup> berkata jika di-benarkan penarekan balek sa-umpama itu maka kechiwa-lah tujuan E.P.F. kerana wang itu sa-mata<sup>2</sup> di-maksudkan untuk sara nafkah ahli itu di-masa mereka itu tua, atau di-masa mereka itu tidak mampu bekerja lagi. Tuan Yang di-Pertua, sebab yang telah pun di-beri itu benar juga, tetapi harap-lah Kerajaan meneliti dan menyedari bahawa rumah tangga atau dalam bahasa Inggeris tepat-nya *home* ada-lah satu<sup>2</sup>-nya faktor yang paling mustahak di-masa tua. Rumah dan tanah jika di-beli pada hari ini akan berlipatganda harga-nya di-masa hadapan. Apa yang senang di-beli pada hari ini akan menjadi susah dan mahal pada masa hadapan. Apa yang boleh di-beli pada hari ini pada sa-kian<sup>2</sup> banyak harga-nya tidak mungkin di-beli dengan harga yang sa-banyak itu juga pada masa hadapan.

Tambahan lagi, Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun di-beri tahu oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa Kerajaan menyokong dasar mempunyai rumah oleh pekerja<sup>2</sup>. Sungguh pun Kerajaan telah mengadakan satu lagi Rang Undang<sup>2</sup> untuk meminda Undang<sup>2</sup> E.P.F. supaya membolehkan mana<sup>2</sup> ahli menarek balek wang mereka sa-takat 1/3 bahagian, tetapi pada fikiran saya pindaan itu tidak membolehkan ahli itu membeli rumah dan tanah. Sebab-nya yang pertama wang sa-takat 1/3 itu, boleh jadi, tidak boleh menchukupi untuk bayaran muka harga rumah dan tanah yang hendak di-beli-nya itu. Kedua-nya di-sharatkan manakala ahli itu telah berumur 50 tahun baharu-lah boleh ia membuat permintaan itu. Jika ahli itu telah pun berumur 50 tahun, maka

baharu ia berpeluang membeli rumah maka tentu-lah ahli itu tidak dapat menikmati hidup di-dalam rumah-nya itu dengan lama, sebab tidak berapa tahun lepas itu mengikut ukoran umur orang<sup>2</sup> kita di-sabelah sini dia akan meninggal dunia.

Oleh itu, saya suka mengshorkan jika sa-saorang ahli itu telah genap umur-nya katakan-lah 35 tahun, maka ia boleh menarek balek wang-nya untok membeli atau membayar wang muka untok rumah dan tanah. Jika di-buat bagini, Tuan Yang di-Pertua, maka kita akan memberi pertolongan lagi kepada pekerja<sup>2</sup> melalui E.P.F. Sa-lain daripada memberikan kepada mereka itu satu *home* mengikut dasar Kerajaan maka kita akan mengurangkan bebanan mereka jika mereka terpaksa membayar sewa rumah, tambahan lagi nilai harga tanah-nya akan bertambah<sup>2</sup> dan berlipat<sup>2</sup> ganda pada masa ia tua kelak dan ini-lah security dan jaminan yang lebeh kuat dan bernilai lagi daripada matawang.

Sekian-lah ucapan saya, terima kasih.

**Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan sedikit mengalu<sup>2</sup>kan The Employees Provident Fund (Amendment) Bill ini. Saya nampak di-sini satu harapan baharu bagi penyimpan<sup>2</sup> dalam Provident Fund dapat mengambil kembali wang simpanan-nya sa-telah umur-nya genap 50 tahun. Apa yang saya suka hendak sebutkan di-sini saya ada-lah tertarek hati dengan ucapan wakil dari Sungai Patani tadi supaya dapat Kerajaan menimbangkan perkara<sup>2</sup> yang akan memberi faedah kepada penyimpan<sup>2</sup> Provident Fund itu. Satu perkara yang saya suka hendak sebutkan di-sini bahawa banyak penyimpan<sup>2</sup> dalam Provident Fund yang sekarang ini . . .

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Bill untok menarek balek wang itu akan dikemukakan sa-lepas ini nanti.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Rang Undang<sup>2</sup> ini berkenaan dengan Provident Fund sahaja, tidak berkenaan dengan apa yang di-chakapkan

itu, jadi tumpukan-lah pada masaalah ini sahaja.

**Tuan Othman bin Abdullah:** Saya hendak sebutkan sedikit sahaja. The Employees Provident Fund (Amendment) Bill ini hanya hendak shorkan sedikit sahaja ia-itu minta di-timbangkan soal penyimpan wang yang menganggor sekarang ini. Yang kedua beri timbang sa-mula kepada kaum ibu yang belum sampai umur 50 tahun yang sekarang penchen, yang berhenti kerja yang umur mereka itu kalau hendak chukup 50 tahun ma'ana-nya mereka itu sudah uzor, dia tidak dapat menikmati simpanan Provident Fund-nya. Kalau boleh di-beri sedikit pindaan ia-itu kaum ibu di-beri syarat yang lain supaya jangan sampai had umur 50 tahun.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab bahathan Ahli Yang Berhormat dari Batu dalam bahasa Inggeris. Mr Speaker, Sir, the Amendment Bill before the House now is very simple and straightforward, but the Honourable Member for Batu spoke about the Employees Provident Fund Ordinance, 1951 as a whole, not confining himself to the Amendment Bill that is before the House. However, Sir, I shall reply to the few points that he has raised.

While it is true that the E.P.F. is a substantial subscriber to loans floated by the Government, it must be borne in mind that half of all E.P.F. contributions come from employers of whom Government is the largest. It is also pertinent to bear in mind when speaking of the assets of the Fund that it is made up of three constituent parts, namely, the employees' share of contributions, the employers' share of contributions and interest earned mainly from Government. Thus it is misleading to say that a third of Government loans are of workers' money. Less than one-sixth represents such money.

Far from castigating the wage-earners, it will be evident from the increased rate of interest the E.P.F. Board have been able to declare annually on members' individual credit, from 2½ per cent per annum prior to 1960 to

5½ per cent for 1967, that this has been made possible by Government giving higher returns on the funds it borrows, thereby enhancing the retirement benefits of the workers.

The use of E.P.F. funds by the Government for development benefits the wage-earners and those in the lower income group. The interest paid by the Government on the one hand, and the benefit obtained from national development on the other, thus provide two harvests from one sowing for the country's working masses.

Coming to the criticisms of the Honourable Member for Batu on withdrawals on medical grounds, I must clarify that each case is judged on its own merits. The few cases he has cited are extreme examples.

Mr Speaker, Sir, the criterion applied in approving withdrawal on medical ground is whether the applicant's effective working life has come to an end. If there is the likelihood that such an applicant can be employed, his withdrawal will not be approved. In each and every case the medical ground is related to the withdrawal of applicant. A young man who has become blind in both eyes or lost two of his limbs is not in the same predicament as an elderly person in the same situation. The younger man has the expectation of adapting himself to his new situation whereas the elderly person has not. Therefore, while the younger man may not succeed in withdrawing his credit, the elderly man will. To cite extreme cases in oversimplified terms can present a very misleading picture. The age of a withdrawal applicant is as important as his physical disability.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar membahaskan syarat mengeluarkan wang ini terlalu ketat ya'ani apabila sampai pada umur 55 tahun baharu boleh dikeluarkan. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu merojokkan kepada Rang Undang² yang akan di-bahathkan selepas ini nanti ya'ani Rang Undang² Pindaan E.P.F. yang kedua yang membuat pindaan atas perkara yang di-bahathkan-nya itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar juga meminta supaya jika sa-saorang pekerja itu berhenti bekerja dan tidak dapat menchari kerja lagi di-kehendaki supaya wang yang telah di-masokkan di-dalam Provident Fund ini boleh di-keluarkan, Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak menentukan sa-suatu ketetapan umum untuk boleh mengeluarkan, boleh jadi, Tuan Yang di-Pertua, sa-saorang bekerja pada masa umur 20 tahun tetapi umur 25 tahun dia berhenti, dua tiga tahun dia tidak dapat kerja dan kalau kita hendak keluarkan apabila dia tidak dapat kerja dua tiga tahun mithal-nya, maka keadaan yang sa-macham ini akan mengechewakan tujuan Kerajaan mengadakan rancangan E.P.F. ini. Jadi ini-lah sebab-nya pehak Kerajaan tidak dapat mengubah dengan bagitu tidak tentu ya'ani boleh ahli² yang memasokkan wang-nya di-dalam Provident Fund itu mengeluarkan-nya pada bila² masa dengan tidak di-tentukan had umur-nya.

**Dato' Dr Haji Megat Khas:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan bila² tidak boleh bekerja tetapi apabila sudah tua dan tidak dapat kerja. Jadi itu ada-lah berlainan sedikit daripada satu orang yang berumur 25 tahun atau 28 tahun, hampir² 40 tahun atau lebeh, kalau tidak dapat kerja kerana majikan² pilih orang muda.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-saorang itu telah tamat umur-nya yang boleh bekerja maka memang sudah ada provision ini di-dalam undang² yang ada. Jadi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sa-macham itu tidak payah di-timbulkan lagi sebab memang sudah ada provision-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Patani berkata apabila genap umur 50 tahun wang yang akan di-keluarkan ia-lah 1/3 tidak menchukupi bagi membeli rumah dan tanah. Tetapi saya tidak nampak, Tuan Yang di-Pertua, kalau di-benarkan penyumbang² E.P.F. ini mengeluarkan wang-nya pada ketika umur-nya 35 tahun boleh menchukupi untuk membeli tanah dan

rumah. Jadi Ahli Yang Berhormat itu menandatangani supaya wang ini boleh di-keluarkan apabila sa-saorang itu berumur 35 tahun untuk ranchangan tanah, membeli tanah dan tapak rumah. Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, timbul-lah keadaan<sup>2</sup> kesulitan yang lain. Mithalnya kalau sa-orang itu bekerja hanya baharu beberapa tahun ya'ani bila sampai umur 35 tahun hendak di-keluarkan wang-nya itu, maka saya perchaya wang yang di-kumpulkan didalam beberapa tahun sengkak ini sudah tentu-lah tidak menchukupi dan kalau dengan yang demikian hendak membeli harta pun tidak chukup, hendak membeli rumah pun tidak chukup, sedangkan sa-bagai suatu hasil simpanan masa tua chita<sup>2</sup> ini telah di-kechewakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengulung ucapan saya ini, mana pendapat<sup>2</sup> yang di-fikirkan oleh pehak Kerajaan membena, berguna, akan diberikan pertimbangan.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## **THE EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) (No. 2) BILL**

### **Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani supaya satu Rang Undang<sup>2</sup> bertajuk Rang Undang<sup>2</sup> (Pindaan) (No. 2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tahun 1968 di-bacha bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah untuk meminda Sekshen 13 Ordinance Wang Kumpulan Simpanan Pekerja tahun 1961 untuk membenarkan ahli<sup>2</sup> Kumpulan Wang itu mengeluarkan 1/3 daripada wang simpanan mereka bila mereka berumur 50 tahun. Dalam bulan Disember, 1965, Persatuan Kebangsaan Pekerja<sup>2</sup> Ladang telah meluluskan satu ketetapan mendesak Kerajaan supaya memberi pinjaman kepada ahli<sup>2</sup> Kumpulan Wang ini yang telah membayar charum dengan tidak berhenti sa-lama 10 tahun atau lebeh untuk membeli tanah, dan membena rumah mereka sendiri. Sa-bagai hasil ketetapan ini Perbendaharaan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah mengkaji masaalah<sup>2</sup> ini dan kedua<sup>2</sup> Perbendaharaan, dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah berpendapat bahawa terdapat banyak kesukaran<sup>2</sup> mentadbirkan sa-suatu ranchangan pinjaman untuk perumahan. Juga mentadbirkan ranchangan pinjaman itu akan di-bebankan perbelanjaan yang besar kepada kumpulan wang itu dan ini akan mengurangkan faedah tiap<sup>2</sup> tahun yang di-beri kepada ahli<sup>2</sup> Kumpulan Wang ini. Ahli<sup>2</sup> Kumpulan Wang ini juga akan menghadapi kesukaran membayar balek pinjaman<sup>2</sup> untuk perumahan itu kerana ini ada-lah tambahan kepada potongan kepada gaji mereka untuk charum kepada Kumpulan Wang ini yang biasa. Untuk mengelakkan dari menubuhkan ranchangan pinjaman perumahan yang akan menyebabkan beberapa kesukaran itu dan akan memakan belanja yang besar untuk gaji kakitangan<sup>2</sup> dan urusannya Perbendaharaan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berpendapat bahawa lebeh baik kalau ahli<sup>2</sup> Kumpulan Wang ini di-benarkan mengeluarkan 1/3 dari jumlah wang simpanan mereka bila mereka berumur 50 tahun. Manakala 2/3 lagi dari wang mereka itu boleh di-keluarkan apabila mereka berumur 55 tahun. Memang di-aku<sup>2</sup> ranchangan ini hanya memenohi sa-bahagian daripada tuntutan ahli<sup>2</sup> kumpulan wang ini untuk menggunakan wang simpanan mereka itu, tetapi ini akan dapat menolong mereka yang benar<sup>2</sup> memerlukan wang dan mereka yang berumur 50 tahun yang hendak membuat persediaan untuk bersara

apabila berumur 55 tahun. Sa-lain dari tambahan kerja kira-mengira pengeluaran lebih awal ini tidak akan menyebabkan apa<sup>2</sup> kesukaran kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dr Lim Chong Eu (Tanjong)** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, whilst Members of this House have taken the opportunity to bring up this question of withdrawal from the Fund on the plea of disability when debating a previous Bill, I feel that this second amendment to the Employees Provident Fund properly would be the place where one should touch on this question of the whole concept of withdrawals from the E.P.F. Sir, I would like not to waste the time of the House to take up the argument where the Honourable Parliamentary Secretary to the Minister of Finance had replied to my Honourable colleague, the Member for Batu, on this question of difficulty over the provision of medical certificates for disability as a condition of withdrawal.

Sir, this particular Bill indicates a situation whereby the Government is willing to allow of withdrawals on the consideration of age in relation to the domestic requirements of the employees concerned. So, Sir, to that extent, this particular Bill indicates a certain degree of concession on the part of the Government. However, Sir, I do not quite understand the arguments advanced by the Honourable Parliamentary Secretary to the Minister of Finance as to why the Government should not extend its degree of understanding of the employees' difficulties by taking into consideration at the same time the need for employees to withdraw part or their provident fund contributions in terms of their working ability or their disability to work, put it in whatever way you wish.

Sir, the Honourable Parliamentary Secretary to the Minister of Finance made a statement, if I am correct, to

say that the age of withdrawal should to some extent be co-ordinated with a degree of physical disability and he cited, as an example, that the young man of 20 years old who became blind or became disabled in limb was in a slightly different position from a person who was 50 years old who was disabled by virtue of blindness. Sir, but he has misunderstood the plea made by the Malayan Medical Association. I only received a copy of the circular by the Malayan Medical Association today, but the plea is that it is very difficult for a doctor to provide the necessary medical certificate to enable an employee who is legitimately disabled, simply because at the present moment the terms of the E.P.F. Ordinance insists that the only condition whereby a contributor can withdraw funds is that he is disabled to the extent that he is no longer capable of further employment. Sir, even the Honourable Parliamentary Secretary to the Minister of Finance will realise that in modern times a person could very well be disabled but to a degree whereby he is not completely disabled for further employment and there are very, very few cases from the medical point of view and the medical social point of view whereby a doctor can really certify that a person can never be employed again. Sir, it is this particular provision of the existing Ordinance which has caused a great deal of discontent from the point of view of the contributors and a considerable amount of difficulties on the part of the medical practitioners in this country who have to provide the necessary certificates. So, I urge the Government seriously to give consideration to further add clauses to this Bill not only to provide for a withdrawal of 1/3 of the funds by contributors who have attained the age of 50 years but also to enable contributors to withdraw their contributions to the amount of 1/3 or more depending upon the degree of disability that they have incurred through illness or through accident and I feel that the formula of co-ordinating the number of years in which contribution has been made to the Fund in relation to the degree of disability might be a very useful formula whereby the Government can

work out an equitable way, because many contributors to the Provident Fund have felt frustrated in the past because they cannot withdraw funds in time of medical need.

**Tuan Tai Kuan Yang (Kulim Bandar Baharu):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang<sup>2</sup> yang di-kemukakan oleh Kementerian Kewangan dengan pindaan atau Employees Provident Fund (Amendment) (No. 2) Bill. Tuan Yang di-Pertua, prinsip yang berkenaan dengan amendment ini memang sangat baik, tetapi sa-orang ahli yang umur sampai 50 tahun ia ada hak mengambil ia-itu 1/3 jumlah wang yang di-simpan. Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap bagi pehak penyimpan<sup>2</sup> dari kumpulan pendapatan yang kecil, ia-itu pekerja<sup>2</sup> yang dapat gaji yang kecil. Jumlah wang yang di-simpan oleh kumpulan pekerja ini pun sangat kecil, dan wang yang mereka boleh ambil pun sangat kurang, tidak mencukupi hendak membeli tanah, atau rumah, atau pun dia hendak hantar anak<sup>2</sup> mereka ka-universiti jikalau di-beri 1/3.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya shorkan wang yang boleh di-ambil di-naikkan sampai 50 peratus. Jadi mereka boleh ambil lebeh sedikit. Kita semua tahu kemajuan negara kita tergantung kepada pekerja<sup>2</sup> dan kita mesti menjaga keadaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali saya hendak minta jasa baik jikalau Rang Undang<sup>2</sup> ini di-luluskan, kita mesti ada banyak ahli<sup>2</sup> yang hendak mengambil balek wang simpanan-nya 1/3 atau 50%. Tetapi saya harap Pejabat itu jikalau dapat permintaan<sup>2</sup> mereka itu harap-lah Pejabat itu beri satu jawapan segera yang kecil kepada permintaan<sup>2</sup>, dan saya harap perkara ini boleh di-jayakan. Terima kaseh.

**Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat):** Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong pindaan kepada Undang<sup>2</sup> E.P.F. ini, saya suka pula menyatakan ia-itu sa-benar-nya dari dahulu lagi patut kita ikhtiarkan pindaan saperti ini. Pindaan saperti ini memang patut di-adakan kerana memandang kepada

pekerja<sup>2</sup> atau contributor yang makin lama makin banyak berkehendakkan pertolongan material saperti ini untuk membuat persiapan bagi menghadapi masa hadapan-nya terutama sa-kali apabila umur meningkat tua, maka sudah tentu-lah berkehendakkan rehat dan tempat perlindungan hidup.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, pindaan ini memang baik pada keseluruhan-nya, tetapi ada sedikit sahaja yang saya rasa kurang, memandangkan kepada orang<sup>2</sup> yang akan mengeluarkan wang mereka, ia-itu sa-banyak manakah mereka akan dapati dengan pindaan ini. Pukul rata mengikut pengalaman yang di-jalankan oleh E.P.F. sendiri, orang<sup>2</sup> yang sampai umur 50 tahun yang membolehkan mereka mengeluarkan wang 1/3 ini tidak mempunyai banyak wang, sungguh pun mereka telah menyumbangkan kepada E.P.F. lebeh daripada 10 tahun. Kebanyakan mereka yang sudah hampir umur 50 tahun ini mempunyai wang dalam lengkongan \$2,000 atau \$3,000 sahaja. Jadi kalau mereka ada hanya \$3,000 dan boleh mengeluarkan wang sa-banyak 1/3 berma'ana dia boleh mengeluarkan wang chuma \$1,000 sahaja. Dan wang \$1,000 ini, saya tidak fikir mereka boleh membuat rumah, atau membeli tanah dan terpaksa menunggu hingga sampai umurnya 55 tahun baharu dapat mengeluarkan wang yang baki lagi sa-banyak \$2,000 dan kalau dia sambil bekerja pun hanya 5 tahun sahaja lagi. Kalau sa-belum dia contribute \$25 Majikan \$25 yang paling tinggi contribution kepada E.P.F. berma'ana-lah dalam 5 tahun contribution-nya berjumlah \$3,000. Jadi wang lama mereka tinggal berbaki \$2,000 di-champor dengan \$3,000 menjadi \$5,000 sahaja. Bukan semua pekerja<sup>2</sup> contribute \$25 tiap<sup>2</sup> bulan chuma yang bergaji besar sahaja dapat contribute \$25 sa-bulan. Jadi apa hal-nya pula lebeh<sup>2</sup> lagi kepada pekerja<sup>2</sup> yang bergaji kecil yang contribution pun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu saya suka mengeshorkan kepada Kerajaan supaya di-ikhtiarkan contribution daripada pekerja dan majikan kepada E.P.F. di-naikkan untuk menempoh

zaman yang serba serbi berkemajuan dalam 10 atau 20 tahun yang akan datang daripada sekarang di-benarkan atau supaya contribution 10% daripada pekerja<sup>2</sup> dan 10% lagi daripada majikan, oleh kerana apa yang saya dapat tahu pehak<sup>2</sup> semi-Government Department boleh membayar-nya bahkan lebih daripada 10% sa-bulan kepada pekerja<sup>2</sup>-nya, maka saya tidak fikir mengapa pehak lain<sup>2</sup> tidak boleh menurut jejak langkah Perbadanan semi-Government ini. Di-chari ikhtiar supaya tiap<sup>2</sup> sa-orang itu menyumbangkan 10% daripada jumlah gaji-nya dan pehak majikan juga contribute 10% atau had sa-tinggi<sup>2</sup>-nya supaya jumlah contribution bulanan tidak lebih daripada \$150 atau \$200 sa-bulan. Chara yang macham ini, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir akan menampakkan dan akan memberi kesan kepada orang<sup>2</sup> yang akan menemui umur-nya sudah tua. Kira-nya mereka di-benarkan mengeluarkan wang mereka apabila sampai 50 tahun kelak, maka sudah tentu akan memberi faedah yang sa-besar<sup>2</sup>-nya kepada mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut keadaan yang sa-benar-nya sekarang ini saya hendak buat satu pindaan dan tidak dapat membolehkan contributors membeli sa-tengah bahagian rumah sebagai wang deposit sa-kira-nya mereka tidak dapat apa hajat yang di-chita<sup>2</sup>-kan itu, maka sudah tentu kegunaan wang yang di-keluarkan itu akan disalurkan ka-tempat lain mungkin kepada yang tidak mendatangkan faedah sama sa-kali. Kita takut akan merana-lah hidup mereka nanti.

Dalam menyokong Bill ini suka saya menarek perhatian Dewan yang bahagia dan yang mulia ini kepada faedah yang di-beri kepada wang contributors sa-banyak 5½% kalau tidak salah saya pehak contributors ada yang saya dengar bersungut kerana di-beri faedah 5½% kerana mereka tahu menaruh wang fixed deposit pun mereka akan dapat 6% faedah bulat<sup>2</sup> tiap<sup>2</sup> tahun dan ada organisasi yang lain saperti Sharikat Kerjasama Pinjaman Pegawai<sup>2</sup> Kerajaan boleh mengeluarkan 6% sa-tahun kepada yuran yang tidak berapa ringgit sa-bulan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya ingat lebih baik-lah pehak E.P.F. ini berikhtiar kira-nya dapat di-naikkan faedah wang<sup>2</sup> contribution bulanan pun di-naikkan saperti yang saya chadangkan ini tadi. Ini chuma hendakkan supaya kedua<sup>2</sup> pehak senang pehak pekerja apabila sampai retirement age senang dan pehak Kerajaan pun senang. Jadi, kedua<sup>2</sup> pehak senang. Dan juga ini ada-lah satu kiraan prektikal pada fikiran saya apabila sampai mengikut retirement age nanti tidak tertunggu<sup>2</sup> atau terchari<sup>2</sup> sampai wang yang sana sini bagi menghadapi masa tua pekerja<sup>2</sup> itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu Kerajaan Perikatan kita tidak hendak menyusahkan kapada siapa juga ra'ayat, tetapi ia-lah untuk menchari kemajuan atau maju menuju masa hadapan yang penuh dengan gilang-gemilang serta ditambah dengan kema'amoran.

Yang akhir-nya saya sukachita-lah pandangan yang saya memberi ulasan dalam Dewan yang mulia ini agar mendapat perhatian kapada pehak yang berkenaan dan saya menyokong Bill ini. Terima kaseh.

**Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bahru Barat):** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sa-tinggi<sup>2</sup> tahniah kapada Kementerian berkenaan, berkenaan Rang Undang<sup>2</sup> E.P.F. ini dan saya sokong 100%. Hanya satu sahaja, ahli<sup>2</sup> yang memohon 1/3 wang simpanan itu hendak-lah di-siasat lebih dahulu, oleh sebab saya takut sa-kira-nya wang<sup>2</sup> itu di-dapati oleh mereka itu, mereka itu akan membelanjakan lain daripada tujuan yang asal. Dari itu saya minta supaya pemohon<sup>2</sup> itu di-siasat dan di-minta segala surat<sup>2</sup> yang berkenaan dengan tanah atau plan<sup>2</sup> rumah yang hendak di-bena supaya dengan chukup terang baharu-lah kita beri wang itu. Kalau tidak nanti, saya takut menjadi kesusahan balek kapada ahli<sup>2</sup>-nya sendiri. Bagi pehak wanita pula patut-lah had yang 50 tahun itu di-turunkan sa-kurang<sup>2</sup>-nya 5 tahun sa-belum mereka itu penchen, sebab biasa-nya bagi pehak wanita bekerja dengan Kerajaan hanya-lah had 45 tahun sahaja. Jadi patut-lah di-turunkan hingga 40 tahun.

Dengan itu saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong dengan sakuat<sup>2</sup>-nya.

**Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini, saya suka-lah mengambil bahagian berchakap sedikit. Pada pendapat saya bagi pehak kita memberi perlonggaran 1/3 boleh di-kembalikan bagaimana keterangan salah sa-orang daripada rakan saya tadi, ini ada-lah sangat kecil. Saya juga menyokong sa-kurang<sup>2</sup>-nya sa-paroh ia-itu 50% hendak-lah di-kembalikan sa-mula.

Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat kita di-Malaysia ini selalu-nya meninggal dunia setakat umur 50 tahun, lebeh<sup>2</sup> pun sedikit sahaja. Jadi ada-kah Kerajaan hendak memberikan wang E.P.F. ini kepada orang yang punya sendiri atau kepada ahli warith? Jadi yang bekerja bermati<sup>2</sup> ia-lah orang yang punya diri, tetapi yang dapat senang ia-lah ahli warith yang menerima. Jadi ini kena-lah Kerajaan menimbangkan masa dia hidup patut-lah kita berikan wang atau hak dia itu. Kalau Kerajaan tidak hendak menimbangkan hal ini dengan betul, kita boleh jadi di-katakan tidak-lah begitu adil kerana tiap<sup>2</sup> sa-orang yang telah berhenti daripada kerja, dan menunggu wang E.P.F. ini telah berlaku di-mana<sup>2</sup> negeri, di-mana<sup>2</sup> kampong, tertunggu<sup>2</sup> hingga dia mati dia tidak merasa faedah daripada wang kumpulan itu. Pada pendapat saya bukan sahaja sa-paroh. Apa yang saya sokong tadi patut kita pulangkan kembali 100% wang mereka itu. Jadi ini-lah sokongan saya dan saya minta supaya Menteri yang berkenaan menukarkan daripada 1/3 kepada 1/2.

**Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson) (dengan izin):** Mr Speaker, Sir, the Employees Provident Fund can be called a charter of our working people. It has given great relief to thousands of our workers and is one of the best things that has happened since Merdeka. But like every thing good, it is not perfect. This amendment that has been brought forward today is very welcome and I think it has given us an opportunity to put forward our views. I agree with some of the previous

speakers, Sir, that the loan that a worker is entitled to is what he should get provided we know that it is going to be invested in a manner that will be of help to him when he is not in a position to earn any more money. If an advance of 1/3 of his credit is given without a proper safeguard, it is quite possible that sometimes it may be very wrongly invested with the result that when he is not in a position to earn anything he has already lost what he had saved. I would agree, Sir, with the previous speakers that the loan given should be on a house or property that would be of help to the workers when he reaches the retiring age and that house or that land should be under mortgage to the EPF. At the same time, Sir, I do strongly feel that the 1/3 advance given to him would be very, very small and would not help him to buy a house or even to buy land. I am subject to correction, Sir, but even the Borneo Building Society is in a position to give a bigger percentage of loan on property that is purchased with the loans given by them. Therefore, I would suggest that loans be given even up to 75%, but the property, the house or the land that is purchased, be held under mortgage so that it is not dissipated or lost.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** It is to be given out, it is not a loan, it is a withdrawal of the contributor's own money, not loan, Mr Speaker, Sir.

**Tuan T. Mahima Singh:** I quite agree, Sir, I was suggesting that it should be a loan so that the money that is saved is not dissipated or lost by the time when he will not be able to earn any more. If it is given outright, he will have less coming to him when he reaches the age of 50 or 55. My suggestion was that this should be given as a loan or even if it is given outright it should be for investment purposes. Thank you, Sir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Meshuarat ini di-tempohkan hingga pukul 4.00 petang ini.

*Persidangan di-tempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.10 petang.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

### **THE EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) (No. 2) BILL**

**Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**  
*Perbahathan di-sambong sa-mula.*

**Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad)** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, it is apparent that there is misunderstanding on the purpose of this Bill. I must clarify that the Bill introduces an additional condition of withdrawal, namely, that a contributor who has attained the age of 50 years may withdraw one-third of his credit. The amount withdrawn can be used by the contributor for whatever purpose according to his need. The intention is to allow a contributor to prepare for his ultimate retirement at the age of 55 or later. The amount withdrawn can be used according to need, whether to make a down-payment on a house or to buy a land or to start a business or to continue the education of children or in any one of the numerous ways a contributor may think it prudent. The one-third credit is an absolute outright non-refundable payment from the E.P.F. to the contributor. To permit withdrawal of a larger sum or indeed any sum at an earlier age than 50 years may be a deviation from the main purpose of the E.P.F. Ordinance of providing for employee's retirement; also withdrawal of a larger proportion may leave too little for the aged employee on actual retirement. Therefore, Mr Speaker, Sir, a balance had to be struck between the need of a contributor and the means available both related to affording financial security in the old age. The Bill recognises the fact that it is desirable to permit contributors to prepare themselves for retirement in any way they wish, and that they should be in a position to do so a reasonable time ahead of actual retirement.

As to some of the suggestions by some Members, especially the Member for Batu, I would like to assure him

that the suggestions will be considered by the Government.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 4* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### **RANG UNDANG<sup>2</sup> PERBEKALAN TAMBAHAN (1967) (No. 2)**

**Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan bahawa Rang Undang<sup>2</sup> yang bernama suatu Act bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Yang di-Satukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1967 dan memperuntukkan wang itu bagi maksud<sup>2</sup> yang tertentu di-bacha bagi kali yang kedua.

Fasal 2 Rang Undang<sup>2</sup> ini memberi kuasa bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$52,559,046 untuk perkhidmatan tahun 1967 dan jumlah ini adalah di-tunjokkan di-dalam Jadual Rang Undang<sup>2</sup> itu dan juga dalam bahagian perbelanjaan bekalan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Yang Ketiga, 1967 yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 37 tahun 1968. Daripada Jumlah yang di-minta untuk perbelanjaan tambahan ini, maka sa-banyak \$3,678,605 telah pun di-dahulukan daripada Kumpulan Wang Perbelanjaan Luar Jangka, kerana membuat perbelanjaan segera dan jumlah ini kena-lah di-pulangkan balek kepada Kumpulan Wang itu. Sa-bagaimana Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat akan perhatikan bahawa daripada jumlah

\$71,811,166 yang di-masokkan ka-dalam tambahan ini maka jumlah sa-banyak \$19,252,120 ada-lah di-kehendaki untuk membiayai belanja<sup>2</sup> perkhidmatan yang di-tanggung oleh Undang<sup>2</sup> (charged expenditure) yang memang-lah tidak termasuk di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan Tambahan ini.

Anggaran asal perbelanjaan yang telah di-luluskan oleh Parlimen untuk tahun 1967 berjumlah sa-banyak \$1,828.6 juta. Jika di-kira bersama<sup>2</sup> perbelanjaan “bekalan” dan perbelanjaan “tanggung” dalam tambahan<sup>2</sup> pertama dan kedua dan dalam tambahan yang di-bentangkan sekarang ini, maka jumlah peruntukan bagi tahun 1967 ia-lah \$2,009.3 juta, tetapi jumlah perbelanjaan sa-benar-nya yang di-anggarkan ada-lah lebeh kurang \$1,910 juta.

Berkenaan dengan perbelanjaan “tanggung”, butiran yang besar sa-kali ia-lah jumlah sa-banyak \$13.8 juta di-bawah kepala T. 12—Perbendaharaan—yang kena di-belanjakan terhadap bantuan<sup>2</sup> untuk penyenggaraan Jalan<sup>2</sup> Raya Negeri, serahan sa-bahagian daripada cukai ekseptor bijeh besi kepada negeri<sup>2</sup>, bayaran balek cukai kastam, bayaran kepada Sabah terhadap bantuan sa-banyak 40% daripada perkembangan hasil Persekutuan dan bantuan 30% hasil kastam kepada Sabah, oleh kerana peruntukan<sup>2</sup> di-dalam Anggaran 1967 telah tidak men-chukupi.

Kepala T. 14—Penchen, Elaun<sup>2</sup> Bersara dan Ganjaran—memerlukan wang sa-banyak \$5.1 juta yang mana \$4.3 juta daripada-nya ada-lah untuk bayaran Ganjaran<sup>2</sup> di-bawah Peratoran Penchen dan Minit<sup>2</sup> Penchen Perjawatan Malaya, dan baki sa-banyak \$0.8 juta ada-lah untuk bayaran penchen<sup>2</sup>, ganjaran<sup>2</sup>, bonos dan charum kepada Kumpulan Wang Balu dan anak Yatim untuk pekerja<sup>2</sup> di-Sarawak, yang telah di-dapati berlebeh daripada apa yang telah di-anggarkan dahulu.

Butiran yang besar sa-kali terhadap perbelanjaan bekalan di-dalam tambahan ini ia-lah mengenai Kepala B. 18—Bantuan<sup>2</sup> dan Pemberian<sup>2</sup> Pelajaran, yang memerlukan wang sa-

banyak \$27.8 juta yang \$15.8 juta dari-pada-nya ada-lah untuk bantuan<sup>2</sup> kepada Sekolah<sup>2</sup> Rendah dan \$12 juta untuk bantuan<sup>2</sup> kepada Sekolah<sup>2</sup> Menengah. Perbelanjaan ini ada-lah kesemua-nya bergantung kepada pendaftaran sa-benar murid<sup>2</sup> dan pada tahun 1967, pendaftaran ini telah di-dapati berlebeh daripada apa yang telah di-jangkakan.

Kepala B. 23—Perkhidmatan ‘Am Perbendaharaan—memerlukan wang sa-banyak \$23.8 juta daripada mana \$14.5 juta ada-lah bagi membiayai kerugian nilai penanaman modal sterling yang di-pegang oleh Kerajaan akibat daripada turun-nya nilai pound sterling. Namun keuntongan sa-banyak \$57.6 juta telah di-dapati atas pinjaman<sup>2</sup> sterling yang telah di-perolehi sa-belum 19hb November, 1967 akibat daripada turun-nya nilai tersebut. \$5.2 juta itu ada-lah di-kehendaki untuk pelarasan di-dalam kira<sup>2</sup> hasil terhadap suatu tuntutan yang dahulu-nya telah di-bangkitkan terhadap Singapura mengenai cukai ka-atas pendapatan bersama bagi tempoh masa dari 1hb Januari hingga 8hb Ogos, 1965, tetapi jumlah ini telah pun di-masokkan ka-dalam penyelesaian kewangan di-antara kedua<sup>2</sup> Kerajaan. Mengikut Peratoran Akaun Kerajaan yang biasa, tuntutan tersebut kena-lah di-hapuskan dengan chara mengadakan suatu peruntukan perbelanjaan oleh kerana bayaran sudah di-buat menerusi penyelesaian di-antara Kerajaan. Wang ini ada-lah di-kehendaki untuk tujuan<sup>2</sup> akaun sahaja dan tidak melibatkan apa<sup>2</sup> perbelanjaan sa-benar-nya.

Lain<sup>2</sup> keperluan di-bawah B. 23 ia-lah \$2.5 juta untuk pinjaman<sup>2</sup> kepada Negeri<sup>2</sup> Kedah dan Kelantan \$725,000 untuk menyelesaikan bayaran balek terhadap hasil Persekutuan yang di-kutip dalam tahun 1967; dan \$100,000 untuk bayaran terhadap pertarohan modal Kerajaan di-dalam Sports Pool (Malaysia) Sendirian Berhad.

Kepala B. 20—Kementerian Luar Negeri—berkehendakkan wang sa-jumlah \$282,853 untuk menambah beberapa Pechahan<sup>2</sup>-kepala oleh sebab peruntukan<sup>2</sup> di-bawah Perbelanjaan Ulangan dan Perbelanjaan Khas bagi Kementerian ini telah di-dapati tidak men-chukupi untuk tahun 1967.

Butiran<sup>2</sup> perbelanjaan yang lain didalam tambahan ini yang tidak saya huraikan ada-lah kecil jumlah<sup>2</sup>-nya jika di-bandingkan dan ini ada-lah diterangkan dengan lanjut-nya di-dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 38 tahun 1968.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohd. Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dr Lim Chong Eu (Tanjong) (dengan izin):** Mr Speaker, Sir, I would like to raise three points to the attention of the House and in so doing seek clarification and further explanation from the Government over what is happening.

I refer, Sir, to the references to the Supplementary Estimates in Command Paper 38, page 10, Head 23, paragraph 21, where a sum of \$100,000 is required for Government's investment in the share capital of the Sports Pool (Malaysia) Sendirian Berhad. Sir, we have heard quite recently that this particular organisation is considering winding itself up, because support for the pools apparently has not been as enthusiastic as the debate in this House over this issue suggested it to be. In the event of this organisation having to wind up, what will happen to Government's share in its capital? Will the Government in future consider very carefully the potentials of such organisations before putting sums of public money as share capital into an organisation which does not even last one year as a business concern?

Sir, the second item I wish to refer to is the one following after that, namely paragraph 22, under which an additional sum of \$2,500,000 is required as loans to the States of Kedah and Kelantan, namely \$1.5 million to the State of Kedah and \$1 million to the State of Kelantan. According to the Memorandum and according to the statement given by the Honourable Parliamentary Secretary to the Minister of Finance, these loans were made in

order to enable the States to meet deficits in their 1967 accounts and they are repayable by equated annuities as to principal and interest at 6% per annum for five years. Sir, I would urge the Government seriously to look into this question of the financial viability and stability of State Governments. In recent months, we have also heard of Government's bonus scheme to States which are supposed to have run their budgets in a proper manner where outright grants have been given, I think, to the State of Malacca and State of Penang. Sir, my plea is that where in actual fact the State Governments have run into deficits for accountable reasons, the Government's loan charge to the State should be very much more generous and, if possible, the Government should even advance these loans to be re-payable in five years without an interest charge. Sir, after all, the Federation is essentially built up upon the combination of the sovereign States, and if any one of the sovereign States of the Federation gets itself into financial deficit, I feel, Sir, that the principle should be that the Central Government without hesitation should try and assist this State in as direct a manner as possible and not be so completely business-like in its relationship and charge interest on its loan.

Sir, the last point which I would like to raise is one on which I seek more clarification and that is Head S. 63 under the Ministry of Transport, referring to the additional sum of \$52,000 that is required for keeping the post of the Co-ordinating Officer, Ports Division and his staff for one more year. Sir, I ask for this clarification with regard, in particular, to the development of the port facilities in Penang, or rather popularly known as the new deep water wharves at Butterworth.

Sir, I would like to know from the Honourable Minister of Transport what in actual fact the Research and Planning Division had advised the Ministry with regard to the feasibilities of the port at Butterworth and the deep water wharves at Butterworth. Firstly, Sir, are the deep water wharves in actual fact deep water wharves in the international sense? Sir, are 32-foot

water wharves essentially considered to be deep water wharves serving deep sea, long travelling shipping in the sense that is understood internationally? The Honourable Member for Penang Utara in yesterday's debate had referred to the possibility of Penang being a San Francisco to Kuala Lumpur. Sir, I do suggest that that is rather much in the line of a pipe dream, particularly when the wharves in Butterworth, even when they are perpetually dredged and continually dredged, do not really come up to international specifications as deep water wharves.

The second point, Sir, is on the proposal and planning for the establishment of the wharves at Butterworth. I had previously indicated that the Government's decision to convert two of the five original wharves planned into container wharves provided for a wharfage facility and a turnover at Butterworth port up to the potential of at least 25 times more than what was originally planned with the five deep water berths without containerisation berths. Sir, to what extent the development of the port correlate with the potential development of port handling in Penang and to what extent is the development of port handling at Penang correlated with the development of the hinterland with particular regard to the opening of East-West Highway? Does this particular Co-ordinating Officer take this type of problems into consideration?

The last point on which I would like to seek clarification from the Honourable Minister is that there has been some degree of concern in Penang over the news that the deep water wharves at Butterworth, even before they are opened up, are silting up. It is true, Sir, that the Chairman and the Committee of the Port Commission had tried to allay the fears of the people in Penang and the shipping community in Penang that it was within the original calculations that these wharves would silt and they have to be dredged. Sir, will the Honourable Minister tell this House, firstly, whether this Research and Planning Division was able to inform him priorly and

in advance how much silting is expected to take place per year, what degree of dredging has to take place and what is the cost of dredging that is required to maintain the port at the optimum status that was originally planned?

**Tuan Ong Kee Hui (Sarawak):** Mr Speaker, Sir, I would like just to make two observations on two Heads of the Bill. First of all, I would refer to Head S. 19—Education—East Malaysia under which a sum of \$465,812 is provided for the additional sum required for grants to schools. Sir, I would like to say to the Minister that I think it is time that some attention should be given to the question of the Education Grant Code. This is the Code under which aided schools and Council schools are given grants by the Government in return for taking on some of the responsibility for primary education in the case of the Local District Councils, and for secondary education in the case of aided schools. In return for taking over this responsibility, certain grants are made. As far as the normal grants by way of school fees and such like, there is little I have to say, but I think that some attention should be given to the system of grants, particularly in respect of Capital Grants. There are, I know, a large number of Local District Councils which, having taken on the responsibility of catering for primary education in the area under their jurisdiction, were carried away by their enthusiasm of discharging their responsibilities and had undertaken the building of schools where their finances did not allow them to do so. I have had occasion to examine the finances of some of these District Councils and I found that they had run into serious difficulties in trying to discharge their obligations in this particular subject. I think the Minister would do well to assist the State by going into the whole question of Capital Grants; otherwise, it would be a serious handicap to the development of Local Authorities in Sarawak, because having spent so much of the Councils' revenue on the building of new schools, they find that they have not got the money to carry out some of their other responsibilities, and in most cases they are in serious debts. In

fact, one or two Councils are already bankrupt.

The other point I wish to make, Sir, is in respect of Heads 64H Civil Aviation, where a sum of \$78,056 is required as contribution to the Air Registration Board. I suppose this refers to the Board which is responsible for the registration of aircraft and I would like to draw the attention of the Minister to the fact that we in Sabah and Sarawak are paying to the Malaysia-Singapore Airlines rates which are, I think, possibly one of the highest in the world for passengers. They compare most unfavourably with the rates in West Malaysia, and if in return for such a high rate for passenger service which is charged to the people in East Malaysia we get good service, I think we have little cause for complaint, but very often we find it very difficult even to get on an aircraft from either westwards from Kuching to Kuala Lumpur or eastwards from Kuching to Sabah, and I would be grateful if the Minister would bring some pressure to bear on the M.S.A. to improve their service on these particular sectors.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon)** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I do not remember whether the Honourable Member for Tanjong was in this Honourable House when I replied at length to his own question, or probably that of some other Honourable Member from Penang on the silting of the port. If anybody is to be more concerned, it is the Penang Port Commission themselves. In fact, they have been warned by the consultants of the probable number of thousands of cubic feet to be dredged and that they would like to see that they have preparation made to dredge them. To say that because the depth is only 32 feet and cannot be recognised, as international wharves in many other countries are probably deeper than 40 feet or whatever it is, I would like to say that we have had the services of well-known consultants, who have been years working in the Penang Port Commission and they have certified them, and also feasibility studies have been taken. As a result of all

these the World Bank recognises them and we got a very good term loan from a foreign bank from Germany. As regards the concern of the Honourable Member for Tanjong, I am more concerned than he is. Let us give a trial for these three berths which will start operating from the 17th of September, and let us all wish the best for the prosperity of Penang Island and the Mainland. Anyway, Sir, I thank the Honourable Member for his observations. We will see what we can do, and on the consultants' advice, we are prepared to meet whatever future eventualities. As the feasibility studies have been done we are satisfied, and the only thing is for us to be patient to give a chance to the port to be working.

On the other matter, originally we are supposed, I believe, to have six conventional types but the Honourable Member himself is always pestering me about trying to do something about the containerisation system and what not. In fact, the Penang Port Commission is to be congratulated for taking a great step ahead. They have consulted their consultants in London and they have been in communication with the Bank who loaned them the money in Germany, within a short space of three months they have changed the idea of having these three additional instead of having two additional convertible sort of container wharves that can do the work than 25 times the capacity. It is true that we are not going to convert them until and unless the shipping companies whose ships are calling at Penang notify us that they need all these facilities for the containerisation, but we are prepared for that—and this is going to be, I think, the only one probably, other than Japan in this part of the world. I think Penang should be proud that the Penang Port Commission has taken a big step looking ahead with the march of time. In fact, we have inquiries from the Straits Steamship, who are even keen to introduce their container system between East and West Malaysia. The same thing is the case with Port Swettenham, when we have these two to three more wharves or three; we are also looking ahead to the container

types and when the time comes we can convert and buy just the cranes to be fitted in and everything will be ready for container ships.

Now, about the feasibility and about the future, I think let us all pray for success. As you know, the Penang Port Commission is not catering only for Penang Island, or the Mainland, or north of Malaysia, but particularly East Malaysia with the East-west road which I am pressing for to give top priority in the Asian Highway Conference in which it is already included. At the same time, we are also looking for any countries, any friends of ours, who are probably keen to help us with the financing, which costs hundreds of millions of dollars to get through this East-west road. But as far as the Alliance Government is concerned, we are doing our level best to see that the Port of Penang will get enough goods as we anticipated within these five years—we have the Five Year Plan. Probably, we cannot with this Five Year Plan get our East-west road, and this road as we know, also serve the southern part of Thailand. With the good railway connection and the good relation between the Thai Royal Railways and our Malayan Railways, there is every possibility of getting the goods to be exported from Southern Thailand to come over to Penang, and I am sure the Honourable Member for Tanjong and for that matter all other Honourable Members from Penang and Butterworth would be very happy to see the progress after the opening of the three berths on the 17th of September.

Now, on this additional sum to pay for the extension—of one year for the post of Co-ordinating Officer, this is not to be an expert in the Ministry but to co-ordinate the policy. Ports in Malaysia, when I simply say East and West Malaysia, are run from a difficult sort of position; with the agreement of East Malaysia, Sabah and Sarawak with West Malaysia, port is a State matter or State subject; but as far as the policy and the coordination and the raising of foreign loans, these have to go to the Federal Government and to the Ministry of Transport. Therefore, with the rapid development of ports in

Kota Kinabalu, Sandakan, Kuching and Sibul, other than those in West Malaysia, we have to have a really experienced Co-ordinating Officer on ports. That is why we had retained the late Mr Shailes who had been here for a number of years, who knew the problems about West Malaysia, and he had spent a lot of time to go to East Malaysia to help East Malaysia and to advise what is best and to work closely with the consultants. I think it was worth the money to have this extension of one year. As a result, the United Nations expert came up here with all his advice and recommendations and now we are starting with the implementation of the projects in East Malaysia.

Now, regarding the observations of the Honourable Member from Sarawak, Mr Ong, I am sorry about the services of M.S.A. We were always short of aircraft, but with the introduction of 707, two of them—I think the Comets have been relieved—from the 1st of August, we have almost everyday flights from Kuala Lumpur, Singapore, Kuching, Kota Kinabalu and back in that direction. I do not know whether the complaint that has been mentioned was before that, but despite this new time-table or new schedule, if you have still complaints, I will see to it that the Chairman will direct the Manager as to how best we can probably relieve this congestion between the two sectors mentioned just now. I can assure the Honourable Member that the M.S.A. will not stop at the two 707. By December there will be another one and that will mean more relief for the Comet until we get the 737. By next year, I do not know early next year, June or July, we have ordered five of them, and each one can take a hundred passengers, and I will make sure that the 737 will fly to Kuching and Kota Kinabalu, as the length of the airstrip there will meet with the requirements of the 737. However, I am still keen to have the Honourable Member's complaint brought up-to-date, and if there is anything more I can do, I will certainly look into the matter. I know that we get a lot of revenue but at the same time the revenue is being ploughed back

to this big capital outlay on the three 707 and five 737 cost over \$100 million, and I hope the Honourable Member will bear with me that we will improve our services. Thank you.

**Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab sedikit soalan tentang bantuan wang tambahan kepada sekolah di-tempatkan di-negeri Sarawak kepada Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut satu agreement ia-itu Inter-Governmental Committee Report berkenaan perbelanjaan sekolah<sup>2</sup> di-Negeri Sarawak itu ia-lah di-bantu oleh Kerajaan Sarawak akan tetapi Kerajaan Pusat boleh membantu wang sa-banyak 50 atau sampai 75%. Jikalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu boleh menasihatkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak boleh mengikut dasar pelajaran yang sedang di-jalankan di-Malaysia Barat mengikut dasar pelajaran Malaysia Barat ia-itu Kerajaan Negeri Sarawak boleh-lah mendapat bantuan penuh daripada Kerajaan. Inilah saya menasihatkan kepada Ahli Yang Berhormat itu membuat satu chadangan kepada Kerajaan Negeri Sarawak mengikut dasar pelajaran yang kita jalankan di-Malaysia Barat. Dari itu saya boleh memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu tentang bantuan wang penuh daripada Kementerian Kerajaan Pusat dan boleh di-jalankan.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara \$100,000 yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, wang tersebut ia-lah sa-bagai penanaman modal dalam Sports Pools (Malaysia) Sendirian Berhad dan Sports Pools ini sedang berjalan. Tidak dapat-lah saya hendak berikan penerangan yang lebeh lanjut pada hari ini dan bila sampai waktu-nya, maka Ahli Yang Berhormat itu boleh-lah di-berikan penerangan.

Berkenaan dengan loan sa-banyak \$2,500,000 kepada Negeri Kedah dan Kelantan, sa-bagaimana yang dinyatakan di-dalam Kepala S. 23 ini, ia-lah sa-bagai pinjaman kepada kedua<sup>2</sup> Negeri tersebut kerana kedua

negeri tersebut mengalami deficit dalam tahun 1967. Tentang perkara mengenakan bunga atau faedah 6 persen yang di-katakan tinggi oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, kalau saya tidak salah dengar tadi, maka suka-lah saya menyatakan perkara ini ia-lah perkara biasa dan kalau hendak kita mudahkan lagi ya'ani di-turunkan bunga-nya, atau tidak di-kenakan bunga, nombor satu sa-kali ia-lah perkara ini bukan-lah perkara yang biasa di-buat oleh Kerajaan Pusat dan yang kedua-nya, saya bimbang kalau sa-kira-nya di-hapuskan bunga seperti ini akan lebeh menggalakkan Kerajaan<sup>2</sup> Negeri terutama sa-kali Kerajaan Negeri yang deficit akan melanjutkan kerja<sup>2</sup> deficit-nya.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua.

#### JAWATAN-KUASA PERBEKALAN

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

#### JADUAL

*Kepala S. 7—*

**Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan (Engku Muhsein bin Abdul Kadir):** Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan Kepala S. 7—Jabatan Perdana Menteri sa-banyak \$47,500 dan Kepala S. 20—Kementerian Luar Negeri sa-banyak \$282,853 menjadi sa-bahagian daripada Jadual. Keterangan-nya telah ada di-dalam Kertas Perintah Nombor 38 tahun 1968.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$47,500 untok Kepala S. 7 dan \$282,853 untok Kepala S. 20 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

*Kepala<sup>2</sup> S. 18 dan S. 19—*

**Tuan Lee Siok Yew:** Tuan Pengerusi, saya bangun untok menchadangkan supaya Kepala S. 18 sa-banyak

\$27,809,483 dan Kepala S. 19 sa-banyak \$465,812 di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan Tambahan (1967) (No. 2), 1968 di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual.

Keterangan<sup>2</sup> bagi peruntokan<sup>2</sup> tambahan yang di-kehendaki itu ada-lah di-jelaskan di-dalam Memorandum Perbendaharaan yang di-bentangkan sabagai Kertas Bil. 38 tahun 1968.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$27,809,483 untok Kepala S. 18 dan \$465,812 untok Kepala S. 19 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

*Kepala S. 23—*

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan Kepala S. 23—Perkhidmatan 'Am Perbendaharaan sa-banyak \$23,817,032 di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual.

Keterangan lanjut ada di-bentangkan di-dalam Memorandum Perbendaharaan Kertas Perintah Bilangan 38 tahun 1968.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$23,817,032 untok Kepala S. 23 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

*Kepala S. 51—*

**Engku Muhsein bin Abdul Kadir:** Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan Kepala S. 51—Pesuruhjaya Tanah \$6,310 sa-bagaimana keterangan-nya ada di-terangkan di-dalam Kertas Perintah Bilangan 38 tahun 1968, menjadi sa-bahagian daripada Jadual ini.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$6,310 untok Kepala S. 51 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

*Kepala<sup>2</sup> S. 63 dan S. 64—*

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan Kepala S. 63—Kementerian Pengangkutan \$52,000 dan Kepala S. 64—Penerbangan Awam \$78,056

menjadi sa-bahagian daripada Jadual. Keterangan<sup>2</sup> yang lebeh luas lagi telah di-nyatakan di-dalam Kertas Perintah Bilangan 38 tahun 1968.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$52,000 untok Kepala S. 63 dan \$78,056 untok Kepala S. 64 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

*Fasal 1 dan 2* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> PINJAMAN (BANK PEMBANGUNAN ASIA)**

### **Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan bahawa Rang Undang<sup>2</sup> yang bernama "satu Act bagi membuat peruntokan untok Persekutuan atau pehak-berkuasa<sup>2</sup> berkanun tertentu mendapatkan pinjaman daripada Bank Pembangunan Asia dan untok perkara<sup>2</sup> yang bersangkutan dengan-nya" di-bacha bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada tujuan<sup>2</sup> yang besar Bank Pembangunan Asia ia-lah memberi pinjaman kepada negeri<sup>2</sup> anggota yang sedang membangun untok membiayai projek<sup>2</sup> pembangunan-nya. Malaysia ia-lah salah satu anggota Bank tersebut. Bagi mengambil peluang tersebut, Malaysia telah pun membuat beberapa permohonan untok mendapatkan pinjaman daripada Bank itu bagi maksud membiayai beberapa projek pembangunan yang berkaitan dengan rancangan bekalan ayer, kelapa sawit dan lain<sup>2</sup> lagi. Adalah di-harapkan bahawa pinjaman yang pertama yang akan di-gunakan untok Projek Bekalan Ayer di-Pulau Pinang mungkin akan dapat selesai di-uruskan dalam bulan September tahun ini. Bank itu juga sekarang sedang mengkaji beberapa permohonan yang lain yang di-kemukakan oleh Malaysia.

Untok maksud mematohi kehendak<sup>2</sup> undang<sup>2</sup>, maka satu undang<sup>2</sup> mustahaklah di-luluskan untok membolehkan

Kerajaan Malaysia dan pehak-berkuasa<sup>2</sup> berkanun di-negeri ini mendapatkan pinjaman daripada Bank Pembangunan Asia untuk melaksanakan projek<sup>2</sup> pembangunannya. Rang Undang<sup>2</sup> yang di-bentangkan di-Dewan ini akan memberi kuasa kepada Kerajaan Malaysia dan pehak-berkuasa<sup>2</sup> berkanun meminjam wang daripada Bank itu dan menerima tanggungan<sup>2</sup> yang di-syaratkan mengenai pinjaman<sup>2</sup> yang akan di-perolehi.

Saya suka menegaskan di-sini bahawa Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah samata<sup>2</sup> merupakan suatu perkara teknikal sahaja dan sa-mata<sup>2</sup> untuk maksud memberi kuasa undang<sup>2</sup> kepada Kerajaan Malaysia dan pehak-berkuasa<sup>2</sup> berkanun membuat perjanjian pinjaman dan jaminan dengan pehak Bank Pembangunan Asia. Suatu undang<sup>2</sup> yang serupa dengan ini memang ada sekarang ini, ia-itu Ordinance Pinjaman (Bank Antara Bangsa), 1968, yang meliputi perjanjian<sup>2</sup> pinjaman dan jaminan yang di-buat dengan pehak Bank Dunia. Suka-lah saya menambah lagi bahawa Rang Undang<sup>2</sup> ini bukan-lah chadangan yang baru, tetapi hanya-lah suatu perkara meluaskan amalan yang telah sedia ada itu dengan perkara<sup>2</sup> seperti yang baharu saya sebutkan.

Rasa-nya tidak-lah payah saya huraikan di-sini segala peruntukan Rang Undang<sup>2</sup> ini dengan lebeh lanjut lagi, kerana butir<sup>2</sup> ini ada-lah diterangkan dengan jelas-nya di-dalam huraian yang di-lampirkan bersama<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup> ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dr Lim Chong Eu (dengan izin):** Mr Speaker, Sir, I rise only to make one general observation and comment and I urge the Honourable Minister to give this comment consideration. In introducing the Bill, Sir, it was clearly stated that one of the first applications, if not the first application, for loan from the Asian Bank has been in connection with the development of water supply in the State of Penang. Sir, it

is with this in mind, and also with an earlier reference which I made on the Bill previous to this one, namely the question of States' financial stability and vitality, that I urge the Government to seriously consider the desirability of allowing State Governments over and above State Statutory Authorities, the same power of application of loans for development project. At the present moment, Sir, this type of Bill allows the Federal Government to contract loans, and it also allows the statutory authorities with particular reference to local authorities, to apply for these loans. Now, with regard to the statutory authorities, their applications for loans will have to be with the approval of the Minister. Sir, it may in some instances, particularly in the future, become more direct and more in consonance with the State Governments' authority if State Governments were so permitted to apply for loans with the agreement of the Federal Government.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Mr Speaker, Sir, the suggestion by the Honourable Member for Tanjong will be given due consideration.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Persidangan di-tempohkan sa-lama 15 minit.

*Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.10 petang.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.35 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> PINJAMAN (BANK PEMBANGUNAN ASIA)**

### **Jawatan-kuasa**

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

Fasal 1 hingga 12 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### THE ARMS (AMENDMENT) BILL

#### Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Menteri Ke'adilan (Tuan Bahaman bin Samsudin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan Rang Undang<sup>2</sup> "satu Act Senjata (Pindaan) 1968" di-bacha kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan membawa Rang Undang<sup>2</sup> ini ka-Dewan Ra'ayat telah pun di-jelaskan dalam kenyataan penjelasan bagi Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-itu hendak meminda Act Senjata tahun 1960 untuk mengadakan satu peruntokan dalam Undang<sup>2</sup> itu ia-itu ada-lah menjadi satu kesalahan bagi sa-saorang jika ia mempunyai menyimpan atau mengawal atau membawa apa<sup>2</sup> senjata atau peluru dalam keadaan yang boleh menimbulkan sangkaan bahawa senjata, atau peluru itu telah di-gunakan, atau sedang hendak di-gunakan, atau mungkin hendak di-gunakan untuk apa<sup>2</sup> maksud yang salah pada sisi undang<sup>2</sup>: Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah juga memberi kuasa kepada Mahkamah untuk menjatuhkan hukum sebat ka-atas sa-saorang yang di-dapati thabit kesalahannya melakukan kesalahan itu. Walau bagaimana pun saya suka hendak menerangkan sedikit lagi kenapa Rang Undang<sup>2</sup> ini mustahak.

Barangkali Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat sedia ma'alum ia-itu perbuatan menggunakan senjata api pada melakukan jenayah telah sa-makin bertambah dengan banyak-nya. Dalam rekod yang di-simpan oleh Pejabat Rekod Jenayah di-Kuala Lumpur di-dapati dalam masa enam bulan daripada 1-10-67 hingga 13-3-68, sa-banyak 243 pengaduan telah di-terima fasal senjata api di-gunakan dalam melakukan jenayah. Pukul rata empat pengaduan seperti itu di-terima pada tiap<sup>2</sup> tiga hari.

Saya juga suka hendak menerangkan ia-itu kebanyakan kumpulan<sup>2</sup> penyamun yang terkenal jahat-nya di-tang-

kap oleh Polis bukan pada masa menyamun, tetapi kerana mempunyai senjata api. Pihak Polis perchaya maseh ada banyak lagi senjata dalam simpanan penjahat<sup>2</sup>. Dan lagi pihak Polis telah juga menyatakan ia-itu dalam siasatan-nya di-dapati sa-saorang itu berasa lemah dan hilang semangat bahkan tiada dapat hendak membuat apa<sup>2</sup> pada masa ia berhadapan dengan sa-orang penyamun yang bersenjatakan pistol. Dalam keadaan demikian orang itu tidak-lah ada jalan lain melainkan terpaksa mengikut sahaja kehendak<sup>2</sup> penyamun yang bersenjata itu. Oleh hal yang demikian nyata-lah ia-itu hukuman yang di-kenakan sekarang kerana mempunyai senjata api sa-chara yang salah pada sisi undang<sup>2</sup> boleh-lah di-katakan tiada cukup. Sekshen 9 dalam Act Senjata tahun 1960 hanya mempunyai peruntokan hukuman penjara yang boleh sampai tujuh tahun lama-nya atau hukuman denda tiada lebeh daripada \$10,000 atau kedua<sup>2</sup>-nya sa-kali bagi kesalahan seperti itu.

Oleh itu nampak-nya ada cukup alasan bagi mengemukakan suatu kesalahan baharu sa-bagaimana yang di-adakan dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini dengan satu hukuman yang lebeh berat bagi mencheegah perbuatan penjahat<sup>2</sup> yang sa-makin banyak menggunakan senjata api. Rasa-nya hukuman yang berat hanya-lah hukuman sebat, sa-lain daripada hukuman di-bawah Undang<sup>2</sup> yang ada pada masa ini.

Saya yakin ia-itu kerana sebab<sup>2</sup> yang saya sebutkan sa-bentar tadi, Rang Undang<sup>2</sup> ini akan mendapat sokongan semua Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

**Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dr Lim Chong Eu (dengan izin):** Mr Speaker, Sir, I rise to support this motion, but in so doing I would like to bring to the attention of the Honourable Minister that for this law to be effectively put into practice there

should also be an equivalent attempt on the part of Government to enforce the proper licensing of fire-arms. Sir, in his introduction of the Bill, the Honourable Minister quite specifically indicated that the purpose of this Bill, this Amendment in particular, is to take more effective action against armed robbery and the use of fire-arms for criminal purposes by human beings. Sir, I do not know whether under those circumstances there may be necessity to further amend the Bill, to provide for similar unlawful uses of fire-arms by people who use fire-arms in shooting animals.

Sir, I talk with particular reference to the need for this country to carry out a purposive plan of conservation of wild life. Fire-arms are issued in large numbers to various persons who do not use them unlawfully just for armed robbery but use them unlawfully for purposes of poaching and thereby destroying the wild life which is conserved in this country. But whether it is for wild life or whether it is for protection of society, Sir, the same law applies and the same arguments can apply. Sir, the Honourable Minister may be aware that yearly thousands of licences are issued for the purchase of fire-arms by people who apply for these licences and for permission to purchase fire-arms, for purposes of sporting and game, for purposes of protecting property and for purposes of keeping down pests which attack their property. Sir, under those circumstances the Chief Police Officer is the sole authority for issuing these licences.

So, Sir, whilst on the one hand the Government intends to impose restrictions on the unlawful use of fire-arms, I think it is only proper that Government should ensure that the issue of fire-arms and the purchase of fire-arms by individuals must be properly carried out. For example, Sir, fire-arms are issued often to individuals who claim to be members of a rightful club and they do not just possess one fire-arm but they may possess two, three or four fire-arms and they do not possess the normal fire-arms for small bore rifle target shooting, of the 14-pound type, but the special light sporting

rifles. Sir, I maintain that the issue of a fire-arm to an individual of this type under that particular application is completely erroneous and only facilitates the currency of fire-arms in this country. Sir, it is also normal that sporting clubs who use fire-arms either for purposes of target shooting or for clay-pigeon shooting should keep the fire-arms that are issued to their members within safe custody so that these fire-arms are not kept in the private individuals' homes and circulated about easily. Sir, whilst commending the purpose of this Bill, I do suggest that the easy issue of licences of fire-arms to a whole range of categories of persons who do not normally use their fire-arms specifically in the term of the Bill for the lawful purpose for which the fire-arms were issued would penalise these persons to a degree much greater than one would expect. I think the Honourable Minister can understand that there are two sides of the question: one, where the penalties are really necessary, but on the other hand, where the penalties can be excessive.

Sir, there is one instance which has come to my knowledge where in actual fact fire-arm issued to an individual was used for an unlawful purpose, namely for poaching. There is no reason why this unlawful purpose of poaching and shooting at animals cannot easily be translated into poaching against society and shooting at human beings. Sir, the objectives are the same, the drives are the same, but after the fire-arms had been deprived and the licence taken away from this particular person, on the instigations of higher up authority, the same person was given back his fire-arms and given back the use of the fire-arms and therefore the concept of lawful use of fire-arms is blurred by this type of mal-administration in the issue of licences.

I hope, Sir, that the Honourable Minister appreciates that I am not using the back-handed way of supporting him but rather in supporting him I hope that he will take this matter into consideration and look into the matter of the issue of these fire-arms, control of the use of fire-arms and also,

in particular, to enlarge upon the understanding of the term "lawful purposes" as to mean use in poaching and not only just in armed robbery.

**Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara):**

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang<sup>2</sup> yang telah di-bawa oleh Yang Berhormat Menteri Kehakiman baharu<sup>2</sup> ini dan sa-panjang yang saya ketahui ini-lah satu langkah, atau pun chadangan yang di-bawa dalam Rumah yang berbahagia ini oleh Kerajaan dengan mendapat sokongan daripada pehak Pembangunan. Kerap kali saya dengar, Tuan Yang di-Pertua, senjata<sup>2</sup> api di-gunakan dengan senang untuk merompak orang<sup>2</sup> yang berada. Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Tanjong berasa takut sedikit kerana orang<sup>2</sup> ini memilih orang<sup>2</sup> yang berada. Walau bagaimana pun saya dapati, Tuan Yang di-Pertua, lepas perang ini, senjata api di-gunakan berleluasa sedikit daripada sa-belum peperangan dunia yang kedua dahulu. Barangkali oleh sebab negara kita ini satu negara yang berjiran dengan negara<sup>2</sup> yang lain di-mana senjata<sup>2</sup> api senang sahaja dapat di-beli dan di-perolehi barangkali daripada market<sup>2</sup> sahaja. Jadi Rang Undang<sup>2</sup> yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri ini saya rasa sangat baik dan berfaedah kepada negara kita.

Sa-suatu senjata api sampai sahaja ka-tangan orang yang tidak bertanggung-jawab susah sangat pehak polis untuk mendapat-nya kembali. Jadi kalau kita pandang sa-pintas lalu adalah Rang Undang<sup>2</sup> ini apabila dipandang oleh negara<sup>2</sup> yang bebas seperti England, atau Amerika, memang-lah hukum yang di-kenakan kepada orang<sup>2</sup> yang membawa senjata ini nampak-nya berat, ia-itu denda sampai \$10 ribu, tujuh tahun penjara dan kena pukul pula.

Menerusi akhbar, Tuan Yang di-Pertua, kita ada nampak kadang<sup>2</sup> sa-saorang yang telah di-hukum membawa senjata itu lepas sahaja di-hukum oleh mahkamah, dia berpaling ka-belakang dan gelak sahaja di-atas hukuman yang telah di-jatuhkan kepada-nya itu. Perkara ini telah lama

di-jalankan. Hakim<sup>2</sup> kita tak berupaya hendak menjatuhkan hukuman berat sangat oleh sebab ada undang<sup>2</sup> yang tertentu. Jadi hukuman ini kita tidak suka hendak menjalankannya, tetapi memandangkan bahawa orang<sup>2</sup> ini mempermain<sup>2</sup>kan sahaja undang<sup>2</sup> negara, saya rasa hukuman ini sangat berpatutan terutama sa-kali di-sebat, kalau boleh tiap<sup>2</sup> orang salah yang membawa senjata, atau pun telah digunakan kepada satu<sup>2</sup> mangsa yang tidak ada senjata.

Tuan Yang di-Pertua, lama-kelamaan kalau undang<sup>2</sup> yang keras ini tidak di-jalankan di-negara kita, saya berpendapat menerusi tayangan wayang gambar, orang<sup>2</sup> yang jahat ini akan mempelajari hendak mengadakan jenayah lebeh berat dan dahshat lagi. Sambil memandang dan memikirkan undang<sup>2</sup> ini, saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, patut sangat Menteri yang berkenaan berfikir bahawa wayang<sup>2</sup> gambar yang menyangkan chara<sup>2</sup> jenayah yang di-jalankan memakai senjata api itu patut, saya rasa, masanya sudah tiba di-mana kita kalau tidak sekat sama sa-kali di-censor supaya pelajaran menyamun yang menggunakan senjata api ini dengan chara mengganas dapat di-kawal. Kerana kita dapati, Tuan Yang di-Pertua, banyak-nya samun atau pun jenayah memakai senjata api ini kalau kita perhatikan dengan halus, maka kita dapati kebanyakan pelajaran yang mereka jalankan itu ia-lah pelajaran<sup>2</sup> yang mereka dapati daripada wayang gambar. Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, sambil menyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini, saya memikirkan ada perkara<sup>2</sup> yang lain, ia-itu seperti mencensor wayang gambar dan juga memeriksa ashkar<sup>2</sup> terutama sa-kali yang datang daripada luar negeri kadang<sup>2</sup> kita dapati ada-lah senjata<sup>2</sup> ini datang-nya, atau pun dapat di-beli oleh orang<sup>2</sup> warganegara kita ini daripada ashkar<sup>2</sup> negeri asing.

Walaupun bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berbangga dan berpuas hati dengan tindakan yang telah di-jalankan oleh pehak polis kita, tetapi seperti yang saya telah nyatakan terlebih dahulu tadi satu<sup>2</sup> senjata itu apabila di-dapati dalam tangan orang

yang tidak bertanggung-jawab, maka terpaksa-lah pehak polis kita memakai masa yang panjang, duit yang banyak kerana mendapatkan senjata itu kembali dan dengan ada-nya Rang Undang<sup>2</sup> yang sa-bagini berat hukumannya, bukan-lah tujuan Kerajaan kita, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, hendak menjatuhkan hukuman ini bahkan chuma hendak menakutkan orang<sup>2</sup> yang berchadang hendak menggunakan senjata api. Sekian, terima kaseh.

**Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga beserta turut memberi sokongan yang penoh kepada Rang Undang<sup>2</sup> dan pindaan atas Arms Bill yang telah dikemukakan oleh Menteri Ke'adilan di-dalam Rumah ini dan saya rasa ia-itu perkara<sup>2</sup> yang telah di-bawa oleh sahabat saya dari Tanjong tadi tidak-lah bagitu benar, kerana beberapa tahun yang lalu tidak kurang daripada 40 tahun yang lalu ia-itu pada masa penjajah dahulu lagi orang yang hendak mendapat senjata api ini dengan halal, dengan chara membeli, atau bertukar nama, ada-lah satu perkara yang susah dan Ahli Yang Berhormat itu tadi telah menyatakan ia-itu senapang<sup>2</sup> patah ini, yang di-gunakan dengan banyak kerana memelihara kan pertanian dan juga perusaha an di-kampung<sup>2</sup> di-dalam kawasan luar bandar dan di-dalam bandar saperti kata beliau tadi di-gunakan dalam bahagian soka n. Yang di-takuti sangat ia-lah senjata api yang kechil sa-bagai pistol, atau pun revolver yang boleh di-sorokkan di-dalam poket seluar, atau pun di-dalam poket baju yang mana kita dengar dan kita bacha pada tiap<sup>2</sup> hari di-gunakan oleh penjahat<sup>2</sup> untok menjalankan perkara<sup>2</sup> jenayah saperti menyamun dan merompak.

Saya menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> tahniah kepada chermat dan teliti yang telah di-jalankan oleh Penguasa Polis di-dalam perkara mengeluarkan lesen<sup>2</sup> baharu atau lesen<sup>2</sup> lama yang hendak di-baharukan kepada mereka<sup>2</sup> yang mempunyai senjata walau pun senapang panjang, atau senapang patah atau rifle dan juga senjata<sup>2</sup> api yang kechil, kerana mereka itu tiap<sup>2</sup> tahun telah menyemak keadaan orang yang

meminta itu. Sa-hinggakan di-tanya di-mana-kah tuan hendak simpan kalau dapat. Bagi pehak diri saya sendiri, saya kata saya simpan dalam peti besi. Kalau sa-kira-nya orang datang hendak merompak, saya pun tidak dapat hendak buat apa, pistol ada dalam peti besi, kena buka peti besi dahulu, baharu boleh ambil. Jadi atoran ini ada-lah membuktikan chermat Polis. Jadi kita pun tidak berapa berguna senjata itu walau sakali pun ada di-dalam rumah atau pun di-dalam simpanan kita sendiri. Tetapi apa yang saya bimbangkan macham mana sahabat saya dari Larut Utara tadi telah mengatakan ia-itu banyak senjata api yang haram telah di-bawa ka-dalam negeri ini dan dapat di-beli dan di-punyai oleh orang<sup>2</sup> yang tidak harus mendapat-nya.

Di-sini Kerajaan hendak menjalankan segala upaya dan usaha supaya mencheegah kemasokan senjata<sup>2</sup> yang haram ini yang selalu di-gunakan oleh penjahat<sup>2</sup> yang menjalankan rompak dan samun itu.

Sa-lain daripada itu, saya juga bersetuju-lah dengan sahabat saya dari Larut Utara tadi ia-itu pemuda<sup>2</sup> dan pemudi<sup>2</sup> juga di-dalam negara kita ini pada hari ini tersangat-lah terpengaruh oleh tayangan wayang<sup>2</sup> gambar, walau pun di-dalam panggong<sup>2</sup> wayang, atau pun di-rumah<sup>2</sup> sendiri dengan menerusi talivishen kerana mereka itu melihat tembakan dan mereka itu juga merasa hendak meniru sama. Jadi perkara yang sa-macham ini ia-lah tidak dapat hendak di-elakkan, melainkan kita tahan tayangan wayang gambar yang sa-macham itu dan di-kawal sedikit daripada masa<sup>2</sup> yang lalu. Rasa saya ini-lah perkara yang menjadi pokok bukan-nya senjata<sup>2</sup> api panjang macham senapang patah yang di-kehendaki di-sini kerana kita memikul hendak membawa-nya itu orang pun sudah tahu, orang sudah beringat. Tetapi yang kechil<sup>2</sup> ini ada yang 6 inchi, ini yang kita takut, tidak nampak jika sa-kira-nya di-simpan dalam kochek pun. Jadi saya rasa kalau sa-kira-nya kita tahan orang<sup>2</sup> yang betul<sup>2</sup>, yang benar yang mempunyai tanah<sup>2</sup> yang di-tanam yang hendak membunuh binatang<sup>2</sup> yang

memusnahkan tanaman<sup>2</sup> mereka itu dengan menggunakan senjata api panjang itu tidak ada ma'ana-lah kita menggerakkan ra'ayat kita menyuroh mereka itu bertanam dan berchuchok dan memelihara segala<sup>2</sup>-nya untuk kesenangan negara pada umum-nya.

Jadi dengan itu saya lagi sa-kali menguchapkan terima kaseh dan menyokong dengan sa-penoh<sup>2</sup>-nya pindaan yang telah di-bawa oleh Menteri Ke'adilan itu.

**Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bahru Barat):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan memberi tahniah kepada Kementerian Kehakiman kerana membawa Rang Undang<sup>2</sup> ini, tetapi kalau saya pandang pindaan ini ia-itu hanya tambahan dengan hukuman sebat sahaja. Saya mengeshorkan supaya 7 tahun itu di-tambah lagi 3 tahun sa-hingga 10 tahun dan di-tentukan hukuman sebat-nya, sa-kurang<sup>2</sup>-nya 30 kali sebat, kerana kalau 10 tahun jail tidak menjadi apa<sup>2</sup> pun kepada mereka itu.

Tujuan mereka membawa senjata sa-chara haram dan merompak, tidaklah lain dan tidak bukan kerana hendak mengugut dan membunuh, kalau mereka itu mempertahankan harta-nya yang hendak di-rompak. Jadi tujuan hendak membunuh, sama juga sudah membunuh kalau tidak di-beri apa yang di-rompak, sudah tentu senjata itu akan di-letupkan atau di-tujukan kepada mangsa-nya. Hukuman 10 tahun itu saya fikir pun chukup rendah. Saya shorkan hukuman jail lebeh tinggi dari itu lagi, tetapi sebat di-kenakan 30 kali. Sakira-nya mereka itu keluar balek apabila telah di-hukum, daripada jel dan mereka buat lagi pekerjaan merompak bersenjata. Saya shorkan supaya satu<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> yang lebeh keras daripada ini, ia-itu mereka itu di-kenakan hukum gantong sahaja. Kita tidak hendak lagi menyimpan orang<sup>2</sup> yang merosakkan, ketenteraman dan keamanan dalam negara kita. Di-sabelah negeri Arab sana terutama sa-kali Negeri Saudi Arabia kalau orang yang menyimpan senjata dan chuba hendak membunuh, mereka akan di-gantong di-hadapan masjid.

Jadi kalau di-sini kita hukuman sa-macam itu saya perchaya penjahat<sup>2</sup> akan takut hendak merompak, mereka akan berfikir dua kali. Dari itu saya harap supaya hukuman jel itu di-tambah lagi 3 tahun dan hukuman sebat di-tetapkan 30 kali sebat, tidak hanya dua atau tiga kali sebat, ini tidak berguna sama sa-kali—30 kali sebat sa-kurang<sup>2</sup>-nya baharu memberi bekas. Terima kaseh.

**Tuan Haji Zakaria bin Haji Mohd. Taib (Langat):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Bill atau pindaan ini dan menguchapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah dapat mengemukakan satu pindaan yang sangat baik untuk negara kita. Pindaan ini ia-lah satu daripada ikhtiar sa-bagaimana ucapan Yang Berhormat Menteri mengatakan makin banyak perbuatan kumpulan<sup>2</sup> haram merompak di-tanah ayer kita ini. Saya juga bersimpati dengan ucapan Yang Berhormat Menteri tadi, nampak-nya ia merayu supaya Bill ini di-luluskan. Saya juga suka menambah lagi, Tuan Yang di-Pertua, rompak nekat, rompak nekat dengan menggunakan senjata tajam, pisau, keris, lembing, parang, patut juga di-hukum sebat. Kita selalu dengar, khas-nya di-Kuala Lumpur ini, orang perempuan turun daripada bas beg tangan-nya di-rampas dengan menggunakan pisau, bagitu juga orang<sup>2</sup> yang berjalan di-bandar Kuala Lumpur telah di-rompak dengan menggunakan senjata tajam. Jadi, ini-lah saya shorkan kepada Yang Berhormat Menteri chuba memikirkan, rompak nekat dengan menggunakan senjata tajam, besi<sup>2</sup> dan sa-bagai-nya itu patut-lah juga di-hukum sebat. Saya sangat bersimpati kepada Yang Berhormat Menteri dalam ucapan-nya. Saya ikut betul<sup>2</sup> ucapan Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan banyak sangat perompak<sup>2</sup> di-tanah ayer kita ini, sa-olah<sup>2</sup> Polis sudah kebingongan, sudah kesusahan untuk hendak menghapuskan perompak<sup>2</sup> daripada kumpulan<sup>2</sup> haram ini sa-bagaimana ucapan Yang Berhormat Menteri.

Saya ada satu shor jika dapat Kerajaan memikirkan supaya Kerajaan mengadakan satu Badan Penchegah

Kumpulan Haram. Satu Badan Penchegah Kumpulan Haram sa-bagaimana Kerajaan telah menubuhkan B.P.R. (Badan Penchegah Rasuah) yang mana sekarang kita telah mendapat kejayaan atas Badan Penchegah Rasuah. Saya shorkan Badan Penchegah Kumpulan Haram ini ia-lah terdiri daripada pemuda<sup>2</sup> yang intelek yang chinta dan kaseh sayang kepada tanah ayer yang mahu mati kerana tanah ayer, kerana bangsa—bukan-lah saya hendak mengechilkan Polis, tidak. Bagitu-lah shor saya kalau dapat macham “the Man from UNCLÉ” yang kita tengok dalam talivishen. Jadi, pada pendapat saya itu satu ikhtiar untok hendak mengurangkan kumpulan<sup>2</sup> haram tadi. Jadi ahli<sup>2</sup> Penchegah Kumpulan Haram ini, menyamar masok jadi penyamun juga sama supaya baharu-lah dia dapat menghapuskan kumpulan<sup>2</sup> haram itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlang-song menyebutkan kumpulan haram ini, saya suka juga hendak menarek perhatian berkenaan orang<sup>2</sup> yang terpelajar di-tanah ayer kita ini, ia-itu daripada ahli<sup>2</sup> perniagaan. Banyak ahli<sup>2</sup> perniagaan yang memberi wang, wang perlindungan kepada kumpulan<sup>2</sup> haram. Baharu<sup>2</sup> ini kita bacha dalam surat khabar Polis telah dapat memberkas ketua kumpulan pemerang wang. Itu satu daripada bokti-nya. Saya dapat tahu banyak daripada ahli<sup>2</sup> perniagaan, ahli<sup>2</sup> perniagaan ini terdiri daripada orang<sup>2</sup> yang terpelajar. Mengapa mereka yang terpelajar, ahli peniaga yang bijak pandai, terpelajar, sanggup, sanggup memberi wang kepada kumpulan haram, kepada pemerang kumpulan<sup>2</sup> haram. Itu ia-lah kerana barangkali mereka hendak menyelamatkan diri mereka sendiri. Ini juga satu tugas, satu tugas yang penting, jika Kerajaan memikirkan dapat menubuhkan satu Badan Penchegah Kumpulan<sup>2</sup> Haram tadi. Kumpulan<sup>2</sup> haram ini mereka tidak boleh hidup khas-nya kumpulan<sup>2</sup> haram pemerang wang, mereka tidak boleh hidup kalau tidak ahli<sup>2</sup> perniagaan yang terdiri daripada pemborong, pembalak, pekedai restoren, dan sa-bagai-nya, mereka tidak boleh hidup. Patut Kerajaan mengadakan satu undang<sup>2</sup>, pada fikiran saya, barangkali undang<sup>2</sup>

itu sudah ada agak-nya. Patut orang<sup>2</sup> yang memberi, yang memberi wang perlindungan bayar bulanan kepada kumpulan<sup>2</sup> haram itu patut orang yang membayar-nya pun di-hukum, ditangkap sa-bagaimana rasuah. Itu satu daripada jalan menchegah perbuatan<sup>2</sup> yang churang yang ada di-tanah ayer kita ini. Itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

**Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara):** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap dengan rengkas sahaja sambil menyokong Rang Undang<sup>2</sup> (Pindaan) yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kehakiman tadi. Saya chuma hendak menarek perhatian ia-itu dengan ada-nya undang<sup>2</sup>, mereka yang membuat jenayah, rompak dan samun mana yang ada pada hari ini mereka akan senang-lenang, sebab kalau mereka di-dapati bersalah dalam mahkamah, mereka di-masokkan ka-dalam jel dua tahun, tiga tahun, mereka dapat kemudahan, dapat kesenangan. Keluar daripada jel itu mereka akan merompak sa-mula.

Sa-lain daripada itu orang ramai dalam negeri ini sekarang bertambah takut, sama ada orang kaya, atau orang yang baharu dapat wang takut dengan keadaan undang<sup>2</sup> yang berjalan sekarang. Ketakutan ini bukan sahaja ra'ayat negeri ini bahkan pelanchong<sup>2</sup> yang hendak datang ka-negeri kita ini juga akan berasa takut dan khuatir kerana menjadi<sup>2</sup> kerja rompak dan samun ini. Saya menyokong penoh atas Rang Undang<sup>2</sup> ini supaya di-kuat-kuasakan dengan di-hukum sebat kepada mereka<sup>2</sup> ini. Kalau hukuman sebat 30 kali tadi, saya ingat, dia maut, 3 kali chukup, sebab dengan kesan sebat 3 kali itu memberi bekas kepada badan-nya dan bila dia keluar daripada itu, dia akan memberi tahu kumpulan-nya yang lain dan kumpulan yang lain itu akan menginsafi takut perbuatan yang chemar ini. Sebab sa-tengah<sup>2</sup> negeri, Tuan Yang di-Pertua, orang merompak ini ada yang di-hukum bunoh saperti di-Afrika.

Satu perkara lagi yang saya hendak menarek perhatian Menteri

Ke'adilan ini, senapang patah yang di-berikan kepada penduduk<sup>2</sup> luar bandar kerana memusnahkan binatang<sup>2</sup> buas yang membinasakan hasil tanamannya. Kejadian ini saya harap pehak Kerajaan supaya mengawasi sebab tuan<sup>2</sup> punya senapang patah ini pada sa'at sekarang ada mereka yang menyalah-gunakan senapang ini. Sa-lain daripada dia menggunakan kerana merompak, tetapi mereka telah menggunakan; sekarang ada khemah subversive kominis. Khemah subversive kominis ini bukan sahaja di-gunakan senapang<sup>2</sup> kayu tetapi senapang yang di-berikan oleh Kerajaan kepada mereka itu juga. Mereka telah letupkan sa-bagai memberi ingatan kepada ra'ayat yang hampir dengan dia. Jadi kalau kita dapati ada yang macham ini, sa-baik<sup>2</sup>-nya Kerajaan ambil balek lesen-nya itu bagi menyelamatkan negara kita ini.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, ada orang yang telah di-benarkan memegang senjata, sama ada senapang atau pun pistol, tetapi dengan chara tidak langsung senjata-nya ini di-berikan-nya kepada kumpulan<sup>2</sup> perompak untuk membuat perkerjaan jenayah. Mereka yang memberikan senjata itu juga patut di-hukum sebat sa-kira-nya di-dapati. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan chadangan sahabat saya dari Larut Utara tadi supaya menyemak filem<sup>2</sup> yang ada berchorak saperti ini dan kalau di-adakan undang<sup>2</sup> ini, saya perchaya kerja rompakan dalam negeri ini akan berkurangan. Itu sahaja-lah, saya ucapkan terima kesh.

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tuan Yang di-pertua, saya ucapkan berbanyak<sup>2</sup> terima kaseh kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini.

Semua shor dari Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat ada-lah di-ambil perhatian dan akan di-timbangkan.

Perkara pengeluaran lesen senjata api ia-lah tanggung-jawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 dan 2* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> (PERBADANAN) MAKTAB KERJASAMA**

### **Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengshorkan Rang Undang<sup>2</sup> yang bertajok Rang Undang<sup>2</sup> Perbadanan Maktab Kerjasama di-bacha bagi kali yang kedua.

Maktab Kerjasama Malaysia Barat telah di-tubuhkan pada penghujung tahun 1956. Tapak tanah untuk mendirikan bangunan Maktab itu telah di-beli daripada wang yang di-perolehi dari kira<sup>2</sup> penutupan atau liquidation accounts yang di-simpan oleh Pendaftar dan perbelanjaan bangunan<sup>2</sup>-nya adalah daripada wang pemberian oleh Colonial Welfare and Development Fund. Bagi mentadbirkan Maktab ini hari<sup>2</sup>, Menteri Pertanian telah melantek satu Majlis Penasihat bersama yang terdiri daripada Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama sa-bagai Pengerusi, lima orang Wakil daripada Pergerakan Kerjasama dan sa-orang Wakil daripada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama.

Perbelanjaan Pentadbiran Maktab ini ada-lah di-tanggung oleh satu peruntukan Kerajaan dan juga sumbangan dari Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama yang di-wakili di-bawah Fasal 34 (1) (b) Undang<sup>2</sup> Sharikat Kerjasama 1948 bagi Sharikat Kerjasama di-Malaysia Barat.

Juru Odit Negara dalam laporannya pada tahun 1962 dan 1963 telah memberi pandangan berhubung dengan

perbelanjaan Maktab ini tidak mempunyai asas undang<sup>2</sup>. Beliau telah membangkitkan perkara bahawa segala perbelanjaan Maktab ini hendaklah mempunyai asas undang<sup>2</sup>. Tambahan pula soal<sup>2</sup> perkhidmatan dan Pegawai, kaki-tangan Maktab juga telah menimbulkan kerumitan kerana tidak ada undang<sup>2</sup> khas yang mengikut perkhidmatan mereka itu pada Maktab ini. Keadaan yang sa-demikian tidaklah memuaskan hati dan Kementerian saya telah mengambil langkah untuk menyediakan satu Undang<sup>2</sup> perbadanan Khas untuk menjalankan Pentadbiran Maktab Kerjasama ini.

Saperti Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat sedia ma'alum maksud Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah untuk menubuhkan sa-buah Perbadanan yang di-beri kuasa menyelenggarakan Maktab Kerjasama ini. Langkah ini bukan sahaja akan memperbaiki pentadbiran Maktab itu, bahkan perbelanjaan<sup>2</sup> yang mewajibkan perbekalan<sup>2</sup> yang mewajibkan lantikan satu Jawatan-kuasa pengajian,

akan menentukan ia-itu pelajaran<sup>2</sup> yang sa-laras dengan perkembangan Sharikat Kerjasama di-negara ini dapat di-beri kepada Pegawai<sup>2</sup> Jabatan sharikat Kerjasama dan pegawai<sup>2</sup> serta kaki-tangan sharikat<sup>2</sup> yang tertuboh di-negeri ini.

Saya akan membuat pindaan kechil dalam masa Jawatan-kuasa kelak ia-itu memotong perkataan "Persekutuan" pada Bab 5 Fasal 1 (A).

Tuan Yang di-Pertua, saya shorkan Rang Undang<sup>2</sup> Perbadanan Maktab Kerjasama yang di-bentangkan ini di-bacha bagi kali yang kedua.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Masa sudah chukup. Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi esok.

*Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.*